



WISMA
SRI PAHANG

WISMA PERSEKUTUAN

DAULAT TUANKU

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019 SIRI 2

AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

PAHANG

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



ISSN 2805-5322



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 dan F3, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel.: 603-8091 1000
Faks: 603-8091 1454


Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 September 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2021
Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019 SIRI 2

AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

PAHANG

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENDAHULUAN	vii
AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PEJABAT MENTERI BESAR	1 - 3
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI	
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PEKAN	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH LIPIS	
1. Pengurusan Peruntukan Khas Kawasan Dewan Undangan Negeri	
KERAJAAN NEGERI PAHANG	2 - 3
2. Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.	
PENUTUP	3 - 3
AKRONIM	4 - 3



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenalkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang akan memperkenalkan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Pahang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2 ini hanya meliputi pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan, yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap satu aktiviti di enam jabatan negeri dan pengurusan satu syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI).

3. Pandemik Covid-19 terbukti menjadi medan yang menguji ketahanan setiap jabatan/agensi Kerajaan dan tidak terkecuali juga JAN. Di sebalik situasi luar biasa yang terjadi sejak tahun 2020, di mana Malaysia telah melalui beberapa fasa Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard pengoperasian pejabat kerajaan yang ketat, JAN masih dapat menyiapkan LKAN Tahun 2019 Siri 2 bagi memenuhi mandat yang ditetapkan. Pada asalnya LKAN ini dijadual untuk dibentangkan di Dewan Rakyat pada bulan Mac 2021, dan setelah itu dibentangkan pula dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Namun disebabkan sidang Dewan Rakyat tidak dapat diadakan seperti mana jadual asal yang ditetapkan, keadaan ini turut memberi kesan terhadap jadual pembentangan LKAN. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan Audit yang dilaporkan dalam LKAN ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti Kerajaan negeri.

4. Pandemik Covid-19 juga memerlukan JAN untuk mengadaptasikan perubahan dalam pelaksanaan kerja. Hal ini dilakukan dengan memperkasa teknologi digital, memanfaatkan platform dalam talian sepenuhnya dan menyelaras program pengauditan untuk disesuaikan dengan kekangan sumber dan keterbatasan pergerakan fizikal pegawai. Jabatan/agensi yang diaudit turut mengambil pendekatan secara dinamik dan telah memberikan sokongan untuk memastikan proses pengauditan dapat disempurnakan.

5. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutup diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pemegang taruh mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak tujuh syor untuk diambil tindakan oleh jabatan/syarikat Kerajaan berkenaan. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan negeri.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan dan syarikat Kerajaan negeri berkenaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

30 Ogos 2021



**PEJABAT MENTERI BESAR
PEJABAT KEWANGAN DAN
PERBENDAHARAAN NEGERI
BAHAGIAN PERANCANG
EKONOMI NEGERI
PEJABAT DAERAH DAN
TANAH KUANTAN
PEJABAT DAERAH DAN
TANAH PEKAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH LIPIS**

- 1. PENGURUSAN PERUNTUKAN KHAS
KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**PEJABAT MENTERI BESAR
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PEKAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH LIPIS
PENGURUSAN PERUNTUKAN KHAS KAWASAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Peruntukan Projek Pembangunan Negeri yang diperuntukkan kepada semua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) merupakan salah satu strategi bagi menyokong enam Teras Utama Pembangunan Negara. Peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 berjumlah RM91.87 juta dan sejumlah RM83.81 juta (91.2%) telah dibelanjakan bagi tiga kategori, iaitu Projek Kecil Negeri, Projek Khas Negeri dan Projek Kecil Kampung.
- Peruntukan Khas Kawasan DUN yang diluluskan dan dibiayai oleh Akaun Amanah Dana Khas Negeri bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 berjumlah RM15.74 juta dan sejumlah RM14.97 juta telah dibelanjakan.
- Pengauditan meliputi dua bidang utama, iaitu prestasi dan pengurusan peruntukan khas kawasan DUN bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020. Prestasi peruntukan dinilai berdasarkan prestasi output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan peruntukan pula dinilai berdasarkan empat perkara iaitu pencapaian kewangan, pengurusan projek kecil, pengurusan bayaran dan pemantauan.
- Pengauditan telah dijalankan di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis melibatkan lima pihak, iaitu Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (PKPN), Pejabat Menteri Besar (PMB), Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan (PDTK), Pejabat Daerah dan Tanah Pekan (PDTP), Pejabat Daerah dan Tanah Lipis (PDTL) serta 16 kawasan DUN.

**Mengapa
ia penting
untuk
diaudit?**

- Objektif program/projek/pemberian sumbangan di bawah Peruntukan Khas Kawasan DUN antara lain adalah untuk merapatkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat, menunjukkan keprihatinan terhadap masalah rakyat, meningkatkan imej Kerajaan serta membimbing dan membantu kontraktor Bumiputera yang baharu sebelum mereka menceburi dalam projek yang lebih besar.
- Pengauditan dijalankan untuk menilai pengurusan Peruntukan Khas Kawasan DUN diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif dan keberhasilan yang ditetapkan.

**Apa yang
ditemui
Audit?**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dan sampel Audit, dapat dirumuskan pengurusan Peruntukan Khas Kawasan DUN tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan kerana berlaku kelemahan dalam perancangan projek, pengurusan projek, pengurusan bayaran dan pemantauan seperti berikut:

- tiada sebarang sasaran/indikator ditetapkan bagi mengukur prestasi output dan pencapaian keberhasilan di bawah Peruntukan Khas Kawasan DUN;
- sebanyak dua projek bernilai RM26,000 kurang dimanfaatkan dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya;
- sebanyak tiga tapak projek dengan nilai kerja RM35,000 tidak diselenggarakan dengan baik oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (penerima sumbangan);
- perancangan projek kecil tidak dibuat secara terperinci dan teliti mengikut keutamaan;
- kualiti kerja yang dilaksanakan kurang memuaskan bagi sepuluh projek dengan nilai kontrak berjumlah RM210,877 walaupun baru disiapkan antara dua hingga 12 bulan;
- sebanyak 28 (19%) daripada 147 projek kecil berjumlah RM0.76 juta tidak lengkap serta tidak terperinci bagi sesuatu kerja dan harga dinyatakan secara pukal;
- sebanyak 76 baucar berjumlah RM1.58 juta merupakan perbelanjaan yang tidak dibenarkan mengikut Garis Panduan Peruntukan Khas Kawasan DUN (GPDUN);

- sebanyak 28 pemberian sumbangan kewangan berjumlah RM244,700 telah dibayar kepada persatuan/kelab/urus setia program melebihi had nilai ditetapkan dalam GPDUN, dengan nilai sumbangan antara RM5,100 hingga RM15,000;
- sebanyak 122 (76.3%) baucar bayaran tuntutan bantuan khas DUN berjumlah RM2.20 juta (81.2%) tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap melibatkan 179 kes; dan
- kelemahan pemantauan dari segi penyelenggaraan rekod dan laporan.

**PEJABAT MENTERI BESAR
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PEKAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH LIPIS**

1. PENGURUSAN PERUNTUKAN KHAS KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

FAKTA UTAMA

RM91.87 Juta

Peruntukan RMKe-11:

- Projek Kecil Negeri - RM31.1 juta
- Projek Khas Negeri - RM50.73 juta
- Projek Kecil Kampung - RM10.04 juta

RM83.81 Juta

Perbelanjaan RMKe-11:

- Projek Kecil Negeri - RM28.88 juta
- Projek Khas Negeri - RM47.42 juta
- Projek Kecil Kampung - RM7.51 juta

**Peruntukan RM15.74 juta
Belanja RM14.97 juta**

- Akaun Amanah Dana Khas Negeri
- Tahun 2018 hingga 2020

Dewan Undangan Negeri

- 42 kawasan


1. LATAR BELAKANG

1.1. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bermula dari tahun 2016 hingga 2020 berasaskan Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS) memberikan tumpuan terhadap penyampaian keberhasilan berimpak tinggi yang cepat kepada ekonomi modal dan ekonomi rakyat dengan kos berpatutan. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenalkan dan dilaksanakan untuk memenuhi objektif pembangunan negeri Pahang bagi mencapai pembangunan mampan.

1.2. Peruntukan Projek Pembangunan Negeri yang diperuntukkan kepada semua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) merupakan salah satu strategi bagi menyokong enam Teras Utama Pembangunan Negara. Bagi tempoh RMKe-11, Kerajaan negeri telah meluluskan Projek Pembangunan Negeri (Peruntukan Khas Kawasan DUN) dengan siling peruntukan berjumlah RM105.75 juta. Peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 berjumlah RM91.87 juta dan sejumlah RM83.81 juta

(91.2%) telah dibelanjakan bagi tiga kategori, iaitu Projek Kecil Negeri, Projek Khas Negeri dan Projek Kecil Kampung. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI
(PERUNTUKAN KHAS KAWASAN DUN) BAGI TEMP OH TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: PKPN dan PPNP

1.3. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bersetuju membenarkan sehingga 50% daripada Peruntukan Khas Kawasan DUN dibiayai daripada Akaun Amanah Dana Khas Negeri (Kod 65906) untuk pemberian sumbangan kewangan atau bantuan bagi pelaksanaan program/ aktiviti kebajikan, keagamaan dan pendidikan. Akaun Amanah Dana Khas Negeri yang diluluskan untuk tujuan tersebut berjumlah RM15.74 juta, dan sejumlah RM14.97 juta (95.1%) telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020.

1.4. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Ogos 2018, Peruntukan Khas Kawasan DUN dan pelaksanaan semua kategori projek dikawal selia oleh Pejabat Pembangunan Negeri Pahang (PPNP). Bagaimanapun mulai bulan September 2018, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (PKPN) mengambil alih tanggungjawab menyelia Projek Khas Negeri dan semua peruntukan projek manakala pelaksanaan Projek Kecil Negeri dan Projek Kecil Kampung dibuat oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) masing-masing. Selain daripada PKPN, pihak lain yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang yang melibatkan Bahagian Perancang Ekonomi

Negeri (BPEN), Pejabat Menteri Besar (PMB) dan Pejabat Penghulu Mukim. Bagi tujuan kawalan dan keseragaman pelaksanaan projek ini di semua daerah, PPNP dan PKPN telah menerima pakai Garis Panduan Perbelanjaan Peruntukan Khas Kawasan Dewan Undangan Negeri (GPDUN).

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada Peruntukan Khas Kawasan Dewan Undangan Negeri diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu penyaluran dan pelaksanaan projek bagi memenuhi keperluan rakyat.


3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama, iaitu prestasi dan pengurusan peruntukan khas kawasan DUN bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020. Prestasi peruntukan dinilai berdasarkan prestasi output dan pencapaian keberhasilan (outcome) melibatkan peruntukan dan perbelanjaan projek di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis.

3.2. Pengurusan peruntukan pula dinilai berdasarkan empat perkara, iaitu pencapaian kewangan, pengurusan projek kecil, pengurusan bayaran dan pemantauan. Pengauditan ini dijalankan di BPEN, PKPN, PMB, Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan (PDTK), Pejabat Daerah dan Tanah Pekan (PDTP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Lipis (PDTL) melibatkan 16 kawasan DUN.

3.3. Bagi menilai pengurusan projek, analisis terhadap data baucar bayaran secara keseluruhan telah dibuat melibatkan PPNP dan PKPN. Sejumlah RM14.03 juta (14.2%) daripada RM98.78 juta melibatkan 693 baucar bayaran di pejabat yang dilawati telah dipilih sebagai sampel. Selain itu, lawatan fizikal telah dilaksanakan terhadap 81 projek (20%) bernilai RM1.83 juta daripada 406 projek kecil yang dilaksanakan oleh PDTK, PDTP dan PDTL. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
POPULASI DAN SAMPEL PENGAUDITAN PENGURUSAN
PERUNTUKAN KHAS KAWASAN DUN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: PKPN, PPNP dan PDT

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod, dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai dan pihak ketiga yang terlibat serta pemeriksaan fizikal terhadap 81 projek kecil juga telah dijalankan. Selain itu, soal selidik mengenai kepuasan rakyat terhadap projek/sumbangan yang diberikan telah diedarkan. Sebanyak 82 soal selidik diedarkan kepada Penghulu Mukim dan wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung (JKKK) semasa pemeriksaan fizikal. Selain itu, sebanyak 85 soal selidik diedarkan kepada penerima sumbangan serta orang awam secara dalam talian.

5. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober 2020 hingga Februari 2021. Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada jabatan yang berkenaan telah dibincangkan

dalam Mesyuarat Penutup pada 25 Mac 2021. Penjelasan lanjut mengenai isu audit adalah seperti di perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Perenggan 2.4.7 dalam Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012, Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome, menetapkan bahawa output merupakan keluaran yang dihasilkan daripada input untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi mencapai output yang optimum, sasaran hendaklah ditetapkan selaras dengan sumber yang sedia ada seperti kapasiti, sumber manusia, kewangan, kemudahan fasiliti dan keperluan pasaran. Perenggan 2.4.9. pekeling yang sama menjelaskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Indikator Pencapaian (IP) merupakan bukti pencapaian yang akan digunakan untuk menyokong penemuan semasa penilaian keberhasilan.

5.1.1.2. Pihak Audit mendapati **tiada sasaran atau KPI untuk mengukur pencapaian output bagi menilai objektif projek yang dilaksanakan** di bawah peruntukan Projek Kecil Negeri, Projek Khas Negeri, Projek Kecil Kampung dan Akaun Amanah Dana Khas Negeri. Memandangkan tiada indikator yang jelas untuk mengukur prestasi output, pihak Audit telah menganalisis data perbelanjaan projek berdasarkan tiga kategori, iaitu projek kecil, sumbangan kewangan dan bekalan bagi 16 kawasan DUN di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis.

5.1.1.3. Analisis Audit terhadap laporan prestasi pelaksanaan projek bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis mendapati kategori paling tinggi ialah pemberian sumbangan kewangan iaitu sebanyak 4,718 pemberian berjumlah RM22.20 juta. Selain itu, sebanyak 436 projek kecil telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM7.58 juta dan sebanyak 652 perbelanjaan bekalan telah dilakukan dengan kos berjumlah RM3.62 juta. Maklumat pelaksanaan projek mengikut kategori adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KATEGORI PEMBERIAN SUMBANGAN PERUNTUKAN KHAS KAWASAN DUN
DI DAERAH KUANTAN, PEKAN DAN LIPIS BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

TAHUN	PROJEK KECIL		KEWANGAN		BEKALAN		JUMLAH	
	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)
2016	41	0.96	1,029	4.30	319	1.06	1,389	6.32
2017	90	0.97	1,264	5.82	221	1.00	1,575	7.79
2018	28	0.46	1,191	1.55	30	0.28	1,249	2.29
2019	136	2.25	809	5.17	55	0.37	1,000	7.79
2020	141	2.94	425	5.36	27	0.91	593	9.21
JUMLAH	436	7.58	4,718	22.20	652	3.62	5,806	33.4

Sumber : PPNP, PKPN, PDKT, PDTP dan PDTL

a. Pelaksanaan Projek Kecil

- i. Berdasarkan GPDUN, projek yang dibenarkan untuk dibelanjakan antaranya adalah projek infrastruktur kecil dan kemudahan kecil yang memberi faedah/manfaat kepada orang ramai seperti jambatan/titi, jalan kecil, dewan orang ramai dan pusat rukun tetangga.
- ii. Pejabat Penghulu Mukim akan mengemukakan senarai cadangan projek kecil yang dimohon oleh JKKK kawasan pentadbiran masing-masing kepada PDT pada setiap tahun. Senarai projek yang telah disediakan oleh PDT merupakan cadangan projek bagi kesemua jenis peruntukan pembiayaan iaitu daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Akaun Amanah. Senarai cadangan tersebut akan dinilai dan dipilih oleh PDT untuk kelulusan Pegawai Penguasa Projek berdasarkan peruntukan yang digunakan. Penilaian projek dan kelulusan projek oleh PDT yang dibiayai melalui Peruntukan Khas Kawasan DUN pula adalah berdasarkan cadangan projek yang dikemukakan oleh Menteri Besar/ADUN.
- iii. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, **sebanyak 436 projek kecil telah dipersetujui oleh Menteri Besar dan ADUN dan dilaksanakan melibatkan kos sejumlah RM7.58 juta di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis.** Projek yang dilaksanakan antaranya menaik taraf surau/jeti/tandas, membina gelanggang sukan dan membina baru dataran konkrit. Maklumat pelaksanaan projek di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PELAKSANAAN PROJEK KECIL DI DAERAH KUANTAN,
PEKAN DAN LIPIS BAGI TEMP OH TAHUN 2016 HINGGA 2020

TAHUN	PDTK		PDTP		PDTL		JUMLAH	
	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)
2016	22	0.81	2	0.05	17	0.10	41	0.96
2017	59	0.69	8	0.15	23	0.13	90	0.97
2018	27	0.46	1	0.00*	0	0.00	28	0.46
2019	70	0.82	32	0.42	34	1.01	136	2.25
2020	75	1.13	41	0.68	25	1.13	141	2.94
JUMLAH	253	3.91	84	1.30	99	2.37	436	7.58

Sumber: PPNP, PKPN, PDTK, PDTP dan PDTL

Nota: (*) – RM1,000

- iv. Berdasarkan **Jadual 2** di atas, bilangan pelaksanaan projek meningkat daripada 41 projek pada tahun 2016 kepada 141 projek pada tahun 2020. Pelaksanaan projek di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis masing-masing ialah 253 (RM3.91 juta), 84 (RM1.30 juta) dan 99 (RM2.37 juta) dalam tempoh 2016 hingga 2020. Contoh projek kecil yang dilaksanakan adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

GAMBAR 1



- Kerja Menaik Taraf Dewan Dato' Wan Rosdy di Kampung Tanjung Gahai, Lipis bernilai RM87,725 (18.11.2020)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



- Kerja Menaik Taraf Dataran Kejam Masjid di Kampung Dusun, Lipis bernilai RM39,300 (17.11.2020)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



- Kerja Membina Baru Menara dan Tangki Air Surau di Kampung Beruas, Pekan bernilai RM10,000 (17.09.2020)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



- Kerja Mengecat Semula Pagar dan Balai Raya Kampung Pulau Serai, Pekan bernilai RM15,000 (17.09.2020)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

b. Pemberian Sumbangan Kewangan

- i. Berdasarkan GPDUN, pemberian dalam bentuk sumbangan kewangan boleh dikategorikan kepada tujuh kategori iaitu kebajikan, pendidikan, sosial, sukan, kemasyarakatan, ekonomi dan keagamaan.
- ii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, sebanyak 4,718 baucar bayaran berjumlah RM22.20 juta telah disediakan bagi pemberian sumbangan kewangan di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis. Semakan Audit terhadap Laporan Perbelanjaan di PPNP serta Laporan Pelaksanaan Projek Kecil Negeri oleh PDKT, PDTP dan PDTL mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan September 2018, sejumlah RM11.66 juta daripada RM22.20 juta (52.5%) pemberian sumbangan kewangan telah diberikan kepada 2,388 penerima melalui 2,388 baucar bayaran.
- iii. Bagaimanapun bagi tempoh bulan Oktober 2018 hingga 2020, **sejumlah RM10.54 juta pemberian sumbangan kewangan melalui 2,330 baucar bayaran tidak dapat ditentukan bilangan penerima sumbangan kewangan kerana tiada data penerima disediakan oleh PKPN**. Perkara ini kerana dalam satu baucar bayaran melibatkan lebih daripada seorang penerima sumbangan. Maklumat bilangan baucar bayaran bagi pemberian sumbangan kewangan di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BAUCAR BAYARAN BAGI PEMBERIAN SUMBANGAN KEWANGAN DI
DAERAH KUANTAN, PEKAN DAN LIPIS BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

TAHUN	KUANTAN		PEKAN		LIPIS		JUMLAH	
	BIL.	KOS (RM juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)
2016	543	2.13	138	0.92	348	1.25	1,029	4.30
2017	718	2.85	233	1.37	313	1.6	1,264	5.82
2018	318	0.55	46	0.41	827	0.59	1,191	1.55
2019	533	2.41	112	1.34	164	1.42	809	5.17
2020	63	2.31	127	1.38	235	1.67	425	5.36
JUMLAH	2,175	10.25	656	5.42	1,887	6.53	4,718	22.20

Sumber: PPNP, PKPN, PDKT, PDTP dan PDTL

- iv. Analisis Audit terhadap 2,388 baucar bayaran berjumlah RM11.66 juta bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan September 2018 untuk kategori pemberian sumbangan kewangan di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PEMBERIAN SUMBANGAN KEWANGAN DI DAERAH KUANTAN, PEKAN
DAN LIPIS BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2018

KATEGORI	KUANTAN			PEKAN			LIPIS			JUMLAH
	2016	2017	SEPT. 2018	2016	2017	SEPT. 2018	2016	2017	SEPT. 2018	
	(RM Juta)									
Sosial	0.60	0.77	0.15	0.25	0.40	0.28	0.43	0.69	0.21	3.78
Kebajikan	0.32	0.43	0.08	0.16	0.26	0.12	0.19	0.12	0.34	2.02
Kemasyarakatan	0.42	0.36	0.03	0.12	0.19	-	0.20	0.43	0.01	1.76
Sukan	0.38	0.59	0.14	0.08	0.19	-	0.15	0.15	-	1.68
Pendidikan	0.22	0.35	0.14	0.19	0.21	0.01	0.18	0.18	0.03	1.51
Keagamaan	0.15	0.20	-	0.09	0.11	-	0.01	0.02	-	0.58
Ekonomi	0.04	0.14	-	0.04	-	-	0.09	0.02	-	0.33
JUMLAH	2.13	2.84	0.54	0.93	1.36	0.41	1.25	1.61	0.59	11.66

Sumber: PPNP, PKPN, PDTK, PDTP dan PDTL

- v. Berdasarkan **Jadual 4** di atas, pemberian sumbangan kewangan tertinggi ialah bagi kategori sosial diikuti dengan kebajikan dan kemasyarakatan masing-masing berjumlah RM3.78 juta, RM2.02 juta dan RM1.76 juta. Program yang dijalankan di bawah kategori sosial antaranya jamuan makan, aktiviti kelab dan persatuan serta rombongan/lawatan kerja. Program di bawah kemasyarakatan pula antaranya aktiviti yang melibatkan orang kampung serta program ramah mesra.

c. Pemberian Bekalan

- i. Berdasarkan GPDUN, program yang dibenarkan termasuklah pemberian bekalan seperti komputer, alat siar raya, peralatan sukan/muzik, perabot dan pakaian.
- ii. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, sebanyak 652 orang telah menerima pemberian bekalan berjumlah RM3.62 juta di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis. Pemberian bekalan tertinggi ialah pada tahun 2016 iaitu sebanyak 319 pemberian bekalan berjumlah RM1.06 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PEMBERIAN BEKALAN DI DAERAH KUANTAN,
PEKAN DAN LIPIS BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

TAHUN	PDTK		PDTP		PDTL		JUMLAH	
	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)
2016	105	0.38	171	0.43	43	0.25	319	1.06
2017	53	0.41	119	0.34	49	0.25	221	1.00
2018	14	0.16	15	0.12	1	¹ 0.00	30	0.28
2019	43	0.30	9	0.06	3	0.01	55	0.37
2020	15	0.84	9	0.06	3	0.01	27	0.91
JUMLAH	230	2.09	323	1.01	99	0.52	652	3.62

Sumber: PPNP, PKPN, PDTK, PDTP dan PDTL

Nota: ¹ – RM1,600

Pendapat Audit

Prestasi Peruntukan Khas Kawasan DUN adalah baik kerana semua projek yang dipersetujui oleh Menteri Besar dan ADUN telah dilaksanakan. Bagaimanapun, tiada KPI ditetapkan untuk mengukur pencapaian output.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012, Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*, menjelaskan penilaian keberhasilan dan impak program digunakan untuk mengukur sama ada sesuatu dasar, program atau projek mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasaran atau sebaliknya.

5.1.2.2. Mengikut GPDUN, objektif program/projek ADUN antara lain adalah untuk merapatkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat, menunjukkan keprihatinan terhadap masalah rakyat, meningkatkan imej Kerajaan serta membimbing dan membantu kontraktor bumiputera yang baharu sebelum mereka menceburi dalam projek yang lebih besar.

5.1.2.3. Semakan Audit mendapati **tiada sasaran khusus atau KPI untuk mengukur pencapaian keberhasilan program terhadap objektif yang ditetapkan.** Perancangan atau rangka kerja yang jelas terutama bagi aspek pengumpulan data dan jenis maklumat yang perlu dikumpulkan juga tidak diwujudkan untuk menjalankan penilaian keberhasilan. Ketiadaan perancangan

terhadap penilaian keberhasilan menyebabkan projek/program ini tidak dapat dinilai dari segi keberkesanan dan impak sebenar terhadap golongan sasaran yang terlibat.

5.1.2.4. Sehubungan itu, bagi mengukur keberhasilan projek/program, pihak Audit telah membuat penilaian terhadap tiga perkara, iaitu bilangan projek yang telah dilaksanakan oleh kontraktor bumiputera, manfaat projek dan tahap kepuasan penduduk terhadap program/projek/bantuan yang diberikan melalui borang soal selidik. Pihak Audit mendapati perkara seperti yang berikut:

a. Pelaksanaan Projek oleh Kontraktor Bumiputera

Semakan Audit mendapati sebanyak 1,175 baucar bayaran bernilai RM25.42 juta telah diluluskan bagi pembayaran pelaksanaan projek kecil di seluruh negeri Pahang bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020. Sebanyak 875 (74.5%) daripada jumlah tersebut merupakan projek yang dilaksanakan oleh Kontraktor Bumiputera Kelas F berjumlah RM17.01 juta. Pelaksanaan projek ini dibuat melalui proses perolehan secara sebut harga, undi atau lantikan terus yang dilaksanakan oleh PPNP dan PDT. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KATEGORI PIHAK YANG MELAKSANAKAN
PROJEK KECIL DI NEGERI PAHANG BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020

TAHUN	KONTRAKTOR KELAS F		PERSATUAN		PERSEORANGAN		JUMLAH	
	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)
2016	30	0.96	63	1.09	11	4.17	104	6.22
2017	59	1.96	72	1.00	40	0.54	171	3.50
2018	30	0.60	5	0.07	1	0.01	36	0.68
2019	310	4.62	24	0.21	24	0.36	358	5.19
2020	446	8.87	38	0.64	22	0.32	506	9.83
JUMLAH	875	17.01	202	3.01	98	5.40	1,175	25.42

Sumber: PKPN

b. Projek Kecil Siap Belum/Kurang Dimanfaatkan

- i. Projek pembinaan yang siap dilaksanakan hendaklah dimanfaatkan dengan segera serta digunakan secara optimum oleh golongan sasar selaras dengan objektif pelaksanaan. Projek tersebut hendaklah diselenggarakan dengan sempurna untuk kesesuaian pengguna.

- ii. Berdasarkan temu bual dengan JKKK yang terlibat, minit mesyuarat JKKK yang disemak serta lawatan fizikal projek mendapati hampir kesemua 81 projek yang dilaksanakan memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat kerana projek tersebut digunakan sebaiknya oleh JKKK/pemohon projek. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan September dan November 2020 mendapati **dua projek (2.5%) yang dilawati bernilai RM26,000 belum/kurang dimanfaatkan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PROJEK KECIL YANG TELAH SIAP TETAPI BELUM/KURANG DIMANFAATKAN

BIL.	TAJUK PROJEK/ NO. & TARIKH BAUCAR	NILAI KERJA (RM)	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS AUDITI
PDT PEKAN				
1.	Kerja Membaiki Pagar Gelanggang Futsal, Kg. Polo/ V0001673/ 10.12.2019	16,000	Projek telah disiapkan pada 22 November 2019 dengan skop kerja hanya membaiki pagar. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 15 September 2020 mendapati walaupun pagar siap dibaiki tetapi gelanggang masih tidak dapat digunakan kerana permukaan yang rosak seperti dalam Gambar 5 .	Maklum Balas PDTP yang Diterima pada 19 Mac 2021 Permukaan gelanggang futsal yang rosak memerlukan peruntukan yang tinggi dengan kos sebanyak RM150,000. Walau bagaimanapun, ADUN mengambil inisiatif untuk membaiki pagar terlebih dahulu dengan peruntukan kos sebanyak RM16,000.
2.	Kerja Baik Pulih Atap Dewan Kg. Jambu serta Kerja-kerja Berkaitan/ V0001139/ 24.09.2019	10,000	Projek telah disiapkan pada 8 Ogos 2019. Lawatan Audit pada 17 September 2020 mendapati keadaan dewan ini telah lama tidak digunakan dan terbiar kerana terdapat banyak kerosakan seperti kecurian wayar serta siling pecah seperti dalam Gambar 6 dan Gambar 7 .	Maklum Balas PDTP yang Diterima pada 19 Mac 2021 Bagi kerja-baik pulih atap, skop kerja bagi projek ini adalah untuk kerja baik pulih sebahagian atap dewan sahaja dengan peruntukan kos sebanyak RM10,000. Anggaran kos keseluruhan untuk membaik pulih dewan memerlukan peruntukan sebanyak RM300,000.
JUMLAH		26,000		

Sumber: PDTP



GAMBAR 5

Kerja Membaiki Pagar Gelanggang Futsal
di Kampung Polo, Pekan
- Gelanggang Tidak Dapat Digunakan dengan Selesa dan
Selamat Kerana Permukaan Gelanggang Rosak
(15.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6

Kerja Baik Pulih Atap Dewan Kampung Jambu, Pekan
- Keadaan Siling Bangunan Rosak dan Pecah
(17.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7

Kerja Baik Pulih Atap Dewan Kampung Jambu, Pekan
- Keadaan Siling Dewan yang Diserang Anai-anai
(17.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati **tiga tapak projek dengan nilai kerja RM35,000 tidak diselenggarakan dengan baik oleh JKKK (penerima sumbangan)**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PROJEK PEMBANGUNAN YANG SIAP TIDAK DISELENGGARAKAN DENGAN BAIK

BIL.	TAJUK PROJEK	NILAI KERJA (RM)	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS AUDITI
PDT KUANTAN				
1.	Kerja Baik Pulih Surau Kampung Sungai Rimau, Sungai Lembing serta Kerja-kerja berkaitan	15,000	Projek telah disiapkan pada 19 Ogos 2019. Semasa lawatan Audit, didapati tandas ini dalam keadaan yang kotor dan tidak dijaga kebersihannya dengan baik.	Maklum Balas PDTK yang Diterima pada 15 Mac 2021 PDTK telah mengeluarkan surat teguran kepada JKKK Kampung Kuala Kenau untuk menjaga dan menyelenggarakan dengan baik projek ini seperti mana yang telah ditandatangani semasa penyerahan projek.
PDT PEKAN				
2.	Kerja Baik Pulih Tandas Dewan Perkampungan Kota Perdana, Pekan serta Kerja-kerja berkaitan.	10,000	Projek telah disiapkan pada 21 Ogos 2019. Semasa lawatan Audit, didapati tandas dalam keadaan yang kotor.	Maklum Balas PDTP yang Diterima pada 19 Mac 2021 PDTP telah mengeluarkan surat peringatan kepada JKKK untuk sentiasa memastikan keadaan dan persekitaran projek sentiasa dalam keadaan baik dan bersih.
3.	Kerja Baik Pulih Atap Dewan Kg. Jambu serta Kerja-kerja berkaitan	10,000	Projek telah disiapkan pada 8 Ogos 2020. Lawatan Audit pada 17 September 2020 mendapati persekitaran dewan ini dipenuhi semak samun dan tidak diselenggarakan dengan baik menyebabkan kerosakan bangunan seperti kecurian wayar serta siling pecah seperti dalam Gambar 8 dan Gambar 9 .	Maklum Balas PDTP yang Diterima pada 19 Mac 2021 PDTP telah mengeluarkan surat peringatan kepada JKKK untuk sentiasa memastikan keadaan dan persekitaran projek sentiasa dalam keadaan baik dan bersih.
JUMLAH		35,000		

Sumber: PDTK dan PDTP

GAMBAR 8



Kerja Baik Pulih Atap Dewan Kampung Jambu, Pekan
- Kecurian Wayar Elektrik
(17.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Kerja Baik Pulih Atap Dewan Kampung Jambu, Pekan
- Keadaan Persekitaran Dewan Dipenuhi Semak Samun
(17.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Projek siap yang masih belum digunakan/tidak dimanfaatkan sepenuhnya berlaku disebabkan kelemahan perancangan awalan pengurusan projek manakala aspek penyenggaraan yang kurang memuaskan pula disebabkan kelemahan pemantauan oleh Penghulu Mukim. Perkara ini menyebabkan pembaziran wang awam kerana perbelanjaan yang dibuat bagi projek tersebut tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.

c. Pengukuran Tahap Kepuasan Penduduk

- i. Semasa lawatan Audit ke tapak projek kecil di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis, pihak Audit telah mendapatkan 82 maklum balas terhadap pengurusan Peruntukan Khas Kawasan DUN melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada Penghulu Mukim dan JKKK. Soal selidik ini diedarkan untuk menilai tahap kepuasan responden berdasarkan kepada sembilan kriteria berkaitan projek, bekalan dan sumbangan yang diterima.
- ii. Selain itu, borang soal selidik kepada penerima sumbangan dan orang awam turut diedarkan ketika lawatan fizikal dan juga secara dalam talian untuk mendapatkan maklum balas tentang pengurusan Peruntukan Khas Kawasan DUN. Sebanyak 85 maklum balas responden telah diterima daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada penduduk di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis. Pengukuran tahap kepuasan penduduk diukur berdasarkan kepada sepuluh kriteria berkaitan tahap komunikasi, perkhidmatan dan sumbangan yang diberikan kepada penduduk.

- iii. Kriteria ini diukur dengan skala kepuasan penduduk dan skor tahap kepuasan seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
SKALA PENGUKURAN TAHAP KEPUASAN PENDUDUK

SKOR TAHAP KEPUASAN	SKALA	MAKSUD
Berpuas Hati	Sangat setuju	Sangat berpuas hati dengan kenyataan yang diberikan
	Setuju	Berpuas hati dengan kenyataan yang diberikan
Kurang Berpuas Hati	Kurang Setuju	Kurang berpuas hati kenyataan yang diberikan
	Tidak Setuju	Tidak berpuas hati dengan kenyataan yang diberikan

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Berdasarkan analisis tersebut, **sebanyak 97.6% responden (Penghulu Mukim dan JKKK) bersetuju bahawa projek dan sumbangan yang diberikan melalui Peruntukan Khas Kawasan DUN mencapai objektif projek/program**. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
TAHAP KEPUASAN PENDUDUK DI DAERAH KUANTAN, PEKAN DAN LIPIS TERHADAP PROJEK/SUMBANGAN MELALUI PERUNTUKAN KHAS KAWASAN DUN

BIL.	KRITERIA	SANGAT SETUJU		SETUJU		KURANG SETUJU		TIDAK SETUJU	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
1.	Merapatkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat.	46	56.1	34	41.5	2	2.4	-	-
2.	Menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap masalah rakyat.	50	61.0	32	39.0	0	0.0	-	-
3.	Meningkatkan imej Kerajaan	47	57.3	34	41.5	1	1.2	-	-
4.	Memenuhi keperluan rakyat yang tersisih daripada arus pembangunan.	41	50.0	38	46.3	3	3.7	-	-
5.	Memenuhi keperluan rakyat yang memerlukan bantuan segera.	44	53.7	36	43.9	2	2.4	-	-
6.	Membantu kontraktor bumiputera yang baru menceburi bidang keusahawanan.	35	43.0	44	54.0	3	3.0	-	-
7.	Melibatkan rakyat dalam proses rancangan dan pelaksanaan projek.	34	41.5	46	56.1	2	2.4	-	-
8.	Memberi faedah kepada ramai orang.	51	62.2	29	35.4	1	1.2	1	1.2
9.	Bukan bertujuan untuk badan dan pertubuhan politik.	36	43.9	43	52.4	2	2.4	1	1.2
PERATUS KESELURUHAN (%)		97.6				2.4			

Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Analisis skor tahap kepuasan yang diterima daripada 85 responden bagi soal selidik yang diedarkan kepada orang ramai dan penerima sumbangan pula adalah seperti dalam **Jadual 11**. Berdasarkan analisis tersebut, didapati sebanyak **69.4% berpuas hati dengan perkhidmatan penyaluran peruntukan khas kawasan DUN**

berdasarkan sepuluh kriteria. Kriteria tersebut antaranya meliputi aspek penyaluran aduan, komunikasi, sumbangan yang diberikan serta pencapaian objektif program/projek.

JADUAL 11
TAHAP KEPUASAN ORANG AWAM DI DAERAH KUANTAN, PEKAN
DAN LIPIS TERHADAP PENGURUSAN PERUNTUKAN KHAS KAWASAN DUN

BIL.	KETERANGAN	SKALA UNTUK MENILAI PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN KEPADA RAKYAT							
		SANGAT SETUJU		SETUJU		KURANG SETUJU		TIDAK SETUJU	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
1.	Pejabat DUN mudah dihubungi untuk menyalurkan aduan	32	37.7	23	27.1	23	27.1	7	8.2
2.	Masa yang diambil oleh Pejabat DUN untuk menjawab pertanyaan atau aduan	28	32.9	26	30.6	26	30.6	5	5.8
3.	Komunikasi berkesan dan mudah difahami	30	35.3	27	31.8	23	27.1	5	5.8
4.	Tempoh masa yang diambil oleh pegawai di Pejabat DUN untuk menghubungi semula pengadu/pemohon bagi memberi maklumat yang dikehendaki	26	30.6	25	29.4	28	32.9	6	7.1
5.	Perkhidmatan yang diberikan oleh Pejabat DUN	31	36.5	25	29.4	25	29.4	4	4.7
6.	Sumbangan yang diberikan dapat merapatkan hubungan antara pemimpin dan pemohon	29	34	35	41.2	18	21.2	3	3.5
7.	Sumbangan yang diberikan menunjukkan keprihatinan kepada pemohon	31	36.5	35	41.2	16	18.8	3	3.5
8.	Sumbangan yang diberikan dapat meningkatkan imej Kerajaan di mata rakyat	33	38.8	34	40	15	17.7	3	3.5
9.	Sumbangan yang diberikan dapat memenuhi keperluan rakyat	32	37.7	29	34.1	19	22.4	5	5.8
10.	Sumbangan yang diberikan dapat membantu pemohon meningkatkan taraf sosioekonomi	31	36.5	28	32.9	23	27.1	3	3.5
Peratus (%)		35.7		33.8		25.4		5.2	
PERATUS SKOR TAHAP KEPUASAN (%)		69.4				30.6			


Sumber: Jabatan Audit Negara

- vi. Berdasarkan soal selidik, antara cadangan penambahbaikan yang diterima ialah wakil rakyat perlu lebih prihatin dengan selalu berkunjung ke daerah yang memerlukan bantuan dan memantau masalah penduduk bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Selain itu, penduduk juga mencadangkan agar maklumat berkenaan bantuan Kerajaan negeri dihebahkan agar lebih ramai rakyat mendapat manfaat.

vii. Analisis Audit selanjutnya terhadap kategori agihan peruntukan khas kawasan DUN berdasarkan projek, bekalan dan sumbangan mendapati perkara berikut:

- sebanyak 71.1% responden pernah menerima peruntukan bagi pelaksanaan projek kecil seperti projek secara gotong-royong; infrastruktur kecil dan kemudahan awam; projek kecil keagamaan bukan Islam seperti memperbaiki bangunan; projek di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin; projek bercorak kebajikan; dan projek kecil yang perlu disegerakan;
- hanya 48.5% responden pernah menerima peruntukan bagi bekalan seperti peralatan jentera, mesin dan kelengkapan pejabat/ dewan/surau/masjid, peralatan kebudayaan dan kesenian, peralatan sukan/penganjuran kejohanan atau pertandingan sukan, pembelian kerusi meja untuk kuil-kuil dan pemberian komputer/kos latihan penggunaan komputer; dan
- sebanyak 83.1% responden pernah menerima peruntukan bagi sumbangan untuk mangsa bencana, persatuan, pembiayaan kursus bina insan, motivasi dan kursus-kursus lain, bantuan kepada orang kurang upaya, pemberian kecemasan dan program bercorak kebajikan. Maklumat lanjut seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
KATEGORI AGIHAN PENERIMAAN
SUMBANGAN MELALUI PERUNTUKAN KHAS KAWASAN DUN



Sumber: Jabatan Audit Negara

viii. Berdasarkan temu bual bersama JKKK dan wakil penduduk mendapati masih terdapat beberapa keperluan peruntukan bagi melaksanakan projek infrastruktur kecil untuk keperluan dan kesejahteraan rakyat. Antaranya membina tandas awam di Sg. Budu Kuala Pahang, Pekan; baik pulih Dewan Tertutup RRM 01 Kuala Pahang, Pekan; membaiki longkang pecah di Sg. Isap Perdana, Kuantan; serta membaik pulih sistem rawatan air penduduk di Kg. Dada Kering, Lipis.

Maklum Balas PKPN yang Diterima pada 20 Ogos 2021

Penetapan KPI bagi Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam Tier 2 Fasa 2 Tahun 2020 menetapkan KPI 2.4 iaitu Mengawal selia dan Memantau Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Jabatan Negeri selaras objektif utama Pejabat Kewangan.

Keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang yang ke-12/2021 bertarikh 24 Mac 2021, bersetuju supaya tindakan penambahbaikan disusul segera. Ia termasuklah pelantikan kakitangan yang perlu, pelaksanaan latihan yang berkesan, pengawal seliaan dan pemantauan keberhasilan.

Penetapan KPI bagi mengukur pencapaian keberhasilan program/projek/sumbangan masih di peringkat penyediaan dan akan dibentangkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi.

Pendapat Audit	Tiada KPI ditetapkan untuk mengukur pencapaian keberhasilan program/projek/sumbangan di bawah Peruntukan Khas Kawasan DUN. Bagaimanapun, hasil lawatan Audit mendapati rakyat mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek/program dan sumbangan yang telah diberi. Perkara ini selaras dengan maklum balas yang menunjukkan 97.6% responden berpuas hati terhadap pengurusan peruntukan kawasan DUN dan sebanyak 69.4% responden berpuas hati dengan perkhidmatan penyaluran peruntukan khas kawasan DUN.
---------------------------	---

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Pencapaian Kewangan

5.2.1.1. Peruntukan bagi projek pembangunan di bawah Peruntukan Khas Kawasan DUN diletakkan di bawah PKPN dan PPNP di bawah tajuk Projek Kecil Negeri, Projek Khas Negeri dan Projek Kecil Kampung. Selain itu, projek pembangunan ini juga dibiayai melalui Akaun Amanah Dana Khas Negeri yang ditadbir oleh PKPN. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi seluruh negeri Pahang adalah berjumlah RM107.61 juta dan sejumlah RM98.78 juta (98.8%) telah dibelanjakan.

5.2.1.2. Semakan Audit di PDTK, PDTP dan PDTL mendapati jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 masing-masing berjumlah RM17.75 juta, RM8.47 juta dan RM10.17 juta. Perbelanjaan yang dilakukan oleh tiga PDT tersebut masing-masing ialah RM16.25 juta (91.5%), RM7.73 juta (91.3%) dan RM9.42 juta (92.6%). Butiran lanjut prestasi perbelanjaan seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN KHAS
KAWASAN DUN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

PEJABAT DAERAH	TAHUN					JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	2020	
PDTK						
Peruntukan (RM Juta)	3.33	3.96	2.61	3.52	4.33	17.75
Perbelanjaan (RM Juta)	3.33	3.96	1.17	3.51	4.28	16.25
Peratus Perbelanjaan (%)	100.0	100.0	44.8	99.7	98.8	91.5
PDTP						
Peruntukan (RM Juta)	1.40	1.86	1.26	1.82	2.13	8.47
Perbelanjaan (RM Juta)	1.40	1.86	0.53	1.82	2.12	7.73
Peratus Perbelanjaan (%)	100.0	100.0	42.1	100.0	99.5	91.3
PDTL						
Peruntukan (RM Juta)	1.60	1.98	1.31	2.47	2.81	10.17
Perbelanjaan (RM Juta)	1.60	1.98	0.59	2.44	2.81	9.42
Peratus Perbelanjaan (%)	100.0	100.0	45.0	98.8	100.0	92.6

Sumber: PPNP dan PKPN

5.2.1.3. Berdasarkan **Jadual 12** di atas, peratus keseluruhan perbelanjaan bagi PDTK, PDTP dan PDTL adalah antara 91.3% hingga 92.6%. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan pada tahun 2018 bagi ketiga-tiga PDT adalah rendah, iaitu

antara 42.1% hingga 45% berbanding peruntukan yang diluluskan. Berdasarkan temu bual dengan pegawai, prestasi perbelanjaan yang rendah ini antaranya disebabkan projek khas DUN dan projek kecil kampung telah dikurangkan pelaksanaannya pada tahun 2018 kerana memberi tumpuan kepada persediaan pilihan raya umum pada tahun tersebut.

Pendapat Audit | **Prestasi perbelanjaan Peruntukan Khas Kawasan DUN adalah baik bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 kerana mencapai 91.3% hingga 92.6%.**

5.2.2. Pengurusan Projek Kecil

Bagi pelaksanaan projek kecil, pihak Audit telah menyemak 147 baucar bayaran berjumlah RM3.13 juta melibatkan agensi pelaksana iaitu PDTK, PDTP dan PDTL. Pelaksanaan projek melibatkan 24 (16.3%) projek secara sebut harga bernilai RM1.35 juta, 111 (75.5%) projek secara lantikan terus/undi bernilai RM1.68 juta dan 12 (8.2%) projek secara gotong-royong bernilai RM97,600. Selain itu, lawatan Audit ke 81 tapak projek bernilai RM1.83 juta turut dijalankan pada bulan September hingga November 2020. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

5.2.2.1. Perancangan Projek Kecil Tidak Terperinci

- a. Berdasarkan prosedur kerja Myportfolio, PDT bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan, melaksanakan, menyelia dan memantau projek kecil luar bandar dan program pembangunan sosio ekonomi masyarakat di bawah peruntukan Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- b. Bagi tempoh tahun 2019 dan 2020, sebanyak 246 projek kecil telah dirancang dan dipersetujui oleh ADUN untuk dilaksanakan di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis. Bagaimanapun, **perancangan projek tidak dibuat secara terperinci dan teliti mengikut keutamaan.** Senarai cadangan projek yang disediakan meliputi kesemua jenis peruntukan yang diluluskan kepada PDT iaitu melalui Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri dan Akaun Amanah Dana Khas Negeri. Sehubungan itu, bilangan projek yang dirancang dan dilaksanakan secara khusus di bawah Peruntukan Khas Kawasan DUN tidak dapat dikenal pasti. Selain itu, laporan penilaian

analisis pemilihan projek juga tidak disediakan bagi menentukan keutamaan projek untuk dilaksanakan.

- c. Semakan Audit juga mendapati perancangan projek kecil tidak dibuat dengan teratur kerana **daftar permohonan cadangan projek dan senarai yang diluluskan oleh Menteri Besar tidak diselenggarakan di PMB**. Perkara ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah permohonan yang diterima.
- d. Proses perancangan dan permohonan projek kecil tidak dibuat secara terperinci dan teliti mengikut keutamaan kerana tidak dijelaskan secara terperinci dalam prosedur kerja dan garis panduan di PDT dan PMB. Kelemahan perancangan cadangan projek akan menyebabkan risiko berlakunya pembaziran, projek yang dilaksanakan tidak memberi manfaat sepenuhnya kepada golongan sasaran dan keutamaan pelaksanaan projek tidak diambil kira.

Maklum Balas PMB yang Diterima pada 23 Mac 2021

YAB Menteri Besar berperanan untuk meluluskan melalui minit bagi semua permohonan secara bersurat, namun pembiayaan atau akaun yang digunakan bagi membiayai projek/program tersebut adalah ditentukan oleh PKPN.

Maklum Balas PDTK yang Diterima pada 15 Mac 2021

PDTK akan mengambil tindakan bagi cadangan projek tahun hadapan yang akan dikumpulkan bermula hujung tahun ini dengan membuat pengasingan mengikut kategori peruntukan. Memo pemakluman kepada JKKK/Penghulu Mukim telah dikeluarkan pada 07 Mac 2021 berkaitan tatacara dan borang permohonan projek kepada PDK.

Maklum Balas PDTP yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDTP telah mengambil tindakan dengan membuat pengasingan mengikut kategori peruntukan bagi cadangan projek baru. PDTP juga telah mengeluarkan memo pemakluman bertarikh 06 Ogos 2021 kepada Penghulu Mukim dan JKKK berkaitan dengan tatacara permohonan projek dan borang permohonan projek.

Maklum Balas PDTL yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDTL menerima semua permohonan projek dari semua JKKK mengikut mukim. PDTL telah menghantar surat kepada semua Pengerusi JKKK mengikut borang dan senarai keutamaan projek bermula pada bulan Januari 2020.

Pendapat Audit | **Perancangan projek kecil tidak cekap kerana perancangan projek kecil tidak dibuat secara terperinci dan teliti mengikut keutamaan di PDT dan PMB.**

5.2.2.2. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

- a. Mengikut klausa Keperluan Kontrak dan Am dalam Surat Tawaran Kerja Perolehan, kontraktor bertanggungjawab penuh untuk kefungisian, kesesuaian, keserasian dan keselamatan reka bentuk bagi kecukupan, kestabilan, serta keselamatan semua operasi tapak dan kaedah pembinaan. Kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan amalan kejuruteraan yang diterima umum.
- b. Berdasarkan lawatan Audit ke 81 tapak projek yang dijalankan pada bulan September hingga November 2020 mendapati **kualiti kerja yang dilaksanakan kurang memuaskan bagi sepuluh projek dengan nilai kontrak berjumlah RM210,877. Semakan Audit mendapati kerja tersebut baru disiapkan antara dua hingga 12 bulan.** Kualiti kerja yang kurang memuaskan antaranya seperti dalam **Jadual 13.**

JADUAL 13
KUALITI KERJA KURANG MEMUASKAN

BIL.	TAJUK PROJEK/ NO. & TARIKH BAUCAR	NILAI KERJA (RM)	PENEMUAN AUDIT
PDT PEKAN			
1.	Kerja Membina Baru Dataran Konkrit Sekitar Tangki Air Kawasan Perumahan Sentuhan Kasih Chini V0001381/16.10.2019	19,950	Projek telah disiapkan pada 08 Ogos 2019. Lawatan Audit pada 18 November 2020 mendapati tepi dataran konkrit telah pecah berpunca daripada material konkrit tidak sesuai digunakan untuk menampung laluan kenderaan seperti dalam Gambar 10.

BIL.	TAJUK PROJEK/ NO. & TARIKH BAUCAR	NILAI KERJA (RM)	PENEMUAN AUDIT
PDT LIPIS			
2.	Kerja Membina Longkang Berhampiran Bangunan Tabika Kemas Futsal Dewan Orang Ramai Kampung Gua V0000882/21.08.2020	30,000	Projek telah disiapkan pada 07 Ogos 2020. Lawatan Audit pada 17 November 2020 mendapati pemasangan longkang yang terlalu cetek dan tiada penahan dibina untuk menyokong atau menahan benda asing masuk ke dalam longkang yang boleh menyebabkan longkang tersumbat seperti dalam Gambar 11 . Jajaran longkang yang tidak lurus boleh menyebabkan larian air tidak lancar. Fungsi penahan dibina untuk memastikan longkang mendapat sokongan dan tidak mudah pecah.
3.	Kerja Memasang Mozek Dan Kerja Berkaitan Dewan Terbuka Sungai Koyan V0001020/07.09.2020	20,000	Projek telah disiapkan pada 24 Ogos 2020. Lawatan Audit pada 18 November 2020 mendapati <i>hoarding</i> yang dipasang telah rosak dan ranap seperti dalam Gambar 12 . Didapati bahan yang digunakan tidak sesuai sebagai penghadang di dewan terbuka juga boleh mendatangkan risiko kemalangan kepada pengguna.
4.	Kerja Naiktaraf Jeti Kampung Pantos V0001360/06.12.2019	20,000	Projek telah disiapkan pada 25 Disember 2019. Lawatan Audit pada 18 November 2020 mendapati kebanyakan jubin telah tertanggal daripada lepaan simen seperti dalam Gambar 13 .

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 10




Kerja Membina Baru Dataran Konkrit Sekitar Tangki Air Kawasan Perumahan Sentuhan Kasih Chini, Pekan
- Tepi Dataran Konkrit Telah Pecah Berpunca daripada Bahan yang Kurang Sesuai Digunakan
(18.11.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Kerja Membina Longkang Berhampiran Bangunan Tabika KEMAS Kampung Gua, Lipis
- Pemasangan Longkang Terlalu Cetek dan Tiada Penahan Dibina untuk Menyokong atau Menahan Bendasing daripada Masuk ke dalam Longkang
(17.11.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Kerja Memasang Mozek Dan Kerja Berkaitan Dewan Terbuka Sungai Koyan, Lipis
- *Hoarding* yang Dipasang Telah Rosak dan Ranap Kerana Bahan yang Digunakan Tidak Sesuai Sebagai Penghadang di Dewan Terbuka
(18.11.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Kerja Naik Taraf Jeti Kampung Pantos, Lipis
- Jubin Telah Tertanggal Disebabkan Lepaan Simen yang Tidak Rata dan Nipis
(18.11.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Kualiti kerja projek kecil kurang memuaskan berlaku disebabkan ketidakpatuhan dalam skop kerja awam. Perkara ini menjejaskan keselamatan dan keselesaan pengguna/rakyat.

Maklum Balas PDK yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDK telah mengeluarkan memo dalaman bertarikh 6 Ogos 2021 kepada penolong jurutera bagi mengatasi masalah ini. Selain itu, Borang Pemeriksaan Akhir juga perlu dilengkapkan oleh jurutera bagi memastikan kualiti kerja adalah baik dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Maklum Balas PDTP yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDTP telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan memo bertarikh 01 Mac 2021 kepada semua penolong jurutera bagi memastikan kualiti kerja setiap kerja/projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan amalan kejuruteraan yang diterima umum. PDTP juga telah menambah baik prosedur kerja dengan menetapkan Senarai Kuantiti yang disediakan oleh Penolong Jurutera yang akan disemak dan disahkan oleh pegawai penyelia.

Maklum Balas PDL yang Diterima pada 20 Ogos 2021

Kerja pembaikan *hoarding* telah dilaksanakan oleh kontraktor bagi projek di Dewan Terbuka Sungai Koyan (Bil. 3 dalam Jadual 13). Dimaklumkan kerosakan projek di Jeti Kampung Pantos (Bil. 4 dalam Jadual 13) telah melebihi tempoh tanggungan kecacatan yang tamat pada 26 Jun 2021 iaitu melebihi enam bulan dari tarikh siap projek. Sehubungan itu, kerosakan tersebut tidak dapat dibaiki oleh kontraktor.

Selain itu, PDL telah mengeluarkan memo dalaman bertarikh 6 Ogos 2021 kepada Penolong Jurutera bagi memastikan kualiti projek mengikut spesifikasi dan amalan kejuruteraan yang diterima umum.

Pendapat Audit	Kualiti kerja projek kecil adalah kurang memuaskan kerana skop kerja tidak terperinci.
-----------------------	---

5.2.2.3. Spesifikasi Kerja Tidak Lengkap dan Terperinci

- a. Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 Perenggan 1 (iv)(a) menetapkan satu Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah dilantik oleh Ketua Agensi bagi menyediakan spesifikasi umum/khusus/teknikal bagi setiap perolehan yang hendak dibuat. Perenggan (c) pekeling yang sama pula menetapkan spesifikasi yang disediakan perlu mengandungi perkara seperti warna, saiz, bentuk, kualiti dan nisbah kandungan dan hendaklah dinyatakan dengan jelas serta terperinci supaya tidak menimbulkan keraguan kepada kontraktor/pembekal.
- b. Semakan Audit mendapati **spesifikasi kerja bagi 28 (19%) daripada 147 Projek Kecil Negeri dan Projek Kecil Kampung berjumlah RM0.76 juta tidak lengkap serta tidak terperinci bagi sesuatu kerja dan harga dinyatakan secara pukal.** Penyediaan spesifikasi kerja tidak lengkap dan terperinci di PDK, PDTP dan PDTL masing-masing melibatkan sebanyak dua, 14 dan 12 projek berjumlah RM40,000, RM211,146 dan RM0.51 juta.
- c. Butiran spesifikasi kerja yang tidak dinyatakan secara terperinci berlaku kerana pemantauan pihak pengurusan kurang berkesan terhadap peraturan kewangan. Didapati juga PDK, PDTP dan PDTL tidak melantik Jawatankuasa Spesifikasi bagi menyediakan spesifikasi kerja yang jelas, sempurna dan terperinci bagi setiap perolehan kerja. Perkara ini memberi kesan kepada spesifikasi kerja tidak lengkap dan terperinci serta menyukarkan PDK, PDTP dan PDTL membuat perakuan kerja siap dan pengesahan pembayaran.

Maklum Balas PDK yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDK telah melantik Jawatankuasa Spesifikasi Perolehan Kerja bertarikh 6 Ogos 2021 bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi.

Maklum Balas PDTP yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDTP telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan memo bertarikh 1 Mac 2021 kepada semua penolong jurutera bagi memastikan penyediaan Senarai Kuantiti lengkap dan terperinci bagi setiap projek mengikut pengiraan

spesifikasi yang dibenarkan. PDTP juga telah menambah baik prosedur kerja dengan menetapkan Senarai Kuantiti yang disediakan oleh Penolong Jurutera dan akan disemak serta disahkan oleh pegawai penyelia.

Maklum Balas PDDL yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDDL telah melantik Jawatankuasa Spesifikasi Perolehan Kerja bertarikh 6 April 2021 kepada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pengurusan Air Pahang bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi.

Pendapat Audit		Kualiti kerja projek kecil adalah kurang memuaskan kerana skop kerja tidak terperinci.
---------------------------	--	---

5.2.3. Pengurusan Bayaran

5.2.3.1. Perbelanjaan yang Tidak Dibenarkan

- a. Perenggan 4.2 dalam GPDUN menetapkan antara projek dan program yang tidak dibenarkan adalah seperti projek/program yang telah dilaksanakan sebelum peruntukan diluluskan; projek/program untuk individu/kumpulan kecil; projek/program untuk badan atau pertubuhan politik; projek/program kepada persatuan/entiti yang menjalankan aktiviti komersial dan membuat keuntungan; dan bantuan pentadbiran.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak **76 pembayaran berjumlah RM1.58 juta merupakan perbelanjaan yang tidak dibenarkan mengikut GPDUN**. Perbelanjaan tersebut melibatkan projek/program untuk individu/kumpulan kecil; projek/program yang telah dilaksanakan sebelum peruntukan diluluskan; projek/program untuk badan atau pertubuhan politik; projek/program kepada persatuan/entiti yang menjalankan aktiviti komersial dan membuat keuntungan; dan bantuan pentadbiran. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PERBELANJAAN TIDAK DIBENARKAN

BIL.	PROJEK/PROGRAM YANG TIDAK DIBENARKAN	AMAUN (RM)	BIL. BAUCAR BAYARAN
PROJEK KECIL NEGERI			
1.	Projek/Program yang telah dilaksanakan sebelum peruntukan diluluskan	75,038	10
	Projek/Program kepada persatuan/entiti yang menjalankan aktiviti komersial	1,168,095	38
	Bantuan Pentadbiran	80,000	8
PROJEK KECIL KAMPUNG			
2.	Projek/Program untuk individu/kumpulan kecil	213,670	3
PROJEK KHAS NEGERI			
3.	Projek/Program untuk individu/kumpulan kecil	150	1
	Projek/Program untuk badan atau pertubuhan politik	29,250	6
AKAUN AMANAH DANA KHAS			
4.	Projek/Program untuk individu/kumpulan kecil	14,000	10
JUMLAH		1,580,203	76

Sumber : PKPN, PDKT, PDTP dan PDTL

- c. Perbelanjaan yang tidak dibenarkan mengikut GPDUN berlaku kerana pemantauan pihak pengurusan kurang berkesan terhadap peraturan kewangan. Perkara ini mengakibatkan kesukaran untuk mengesahkan penerimaan bantuan sumbangan kewangan oleh penerima. Selain itu, ia juga mengakibatkan risiko kepentingan Kerajaan negeri terjejas kerana pematuan peraturan ini bertujuan memastikan perbelanjaan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti.

Maklum Balas PKPN yang Diterima pada 24 Mac 2021

PKPN telah mengeluarkan surat pemakluman kepada ADUN melalui surat bertarikh 9 Oktober 2018 dan 30 April 2020 menjelaskan perbelanjaan program/aktiviti yang dibenarkan ialah kebajikan, keagamaan dan pendidikan. Pada pandangan PKPN, perihal sumbangan pujaan tokong, termasuk dalam kategori sumbangan keagamaan dan projek/sumbangan untuk badan atau pertubuhan politik termasuk kategori program/aktiviti kebajikan. Bagaimana pun, PKPN akan mengeluarkan garis panduan baharu yang lebih jelas dan GPDUN dijadikan sebagai *benchmark* untuk disesuaikan dengan keperluan serta kehendak semasa.

Pendapat Audit	Pengurusan Peruntukan Khas Kawasan DUN kurang cekap kerana terdapat perbelanjaan yang tidak dibenarkan berjumlah RM1.58 juta.
-----------------------	--

5.2.3.2. Pemberian Sumbangan Kewangan kepada Persatuan Melebihi Had yang Ditetapkan

- a. Perenggan 4.1.9 dalam GPDUN menetapkan pemberian sumbangan kewangan kepada persatuan untuk menjalankan aktiviti masing-masing hendaklah tidak melebihi RM5,000 setiap pemberian.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak **28 pemberian sumbangan kewangan berjumlah RM244,700 telah dibayar kepada persatuan/kelab/urus setia program dengan nilai sumbangan antara RM5,100 hingga RM15,000**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PEMBERIAN SUMBANGAN KEWANGAN
KEPADA PERSATUAN/KELAB MELEBIHI RM5,000

PERUNTUKAN KHAS KAWASAN DUN	PEMBERIAN		CATATAN
	BIL.	AMAUN (RM)	
Projek Kecil Negeri	6	48,700	RM5,100 hingga RM10,000
Projek Khas Negeri	18	155,500	RM6,000 hingga RM15,000
Akaun Amanah Dana Khas Negeri	4	40,500	RM7,500 hingga RM15,000
JUMLAH	28	244,700	

Sumber: PKPN

- c. Pemberian sumbangan kewangan kepada persatuan/kelab melebihi RM5,000 berlaku kerana pemantauan pihak pengurusan kurang berkesan. Perkara ini mengakibatkan risiko kepentingan Kerajaan negeri terjejas kerana pematuhan peraturan ini bertujuan memastikan perbelanjaan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti.

Maklum Balas PKPN yang Diterima pada 24 Mac 2021

Nilai sumbangan secara *Outright Grant* (OG) oleh ADUN kepada persatuan/kelab/urus setia program tidak ditetapkan secara khusus kadar/nilai minima, selagi ia tidak melebihi jumlah tuntutan bulanan yang diluluskan. Jumlah sumbangan secara OG ditetapkan secara bulanan berdasarkan jumlah yang diluluskan oleh YAB Menteri Besar. PKPN akan mengeluarkan garis panduan baharu yang lebih jelas dengan mengambil GPDUN sebagai *benchmark* dan disesuaikan dengan keperluan dan kehendak semasa.

**Pendapat
Audit**

Pengurusan Peruntukan Khas Kawasan DUN kurang cekap kerana GPDUN tidak dipatuhi sepenuhnya di mana terdapat pemberian atau bantuan kepada persatuan yang melebihi had ditetapkan.

5.2.3.3. Tuntutan Bulanan Bantuan Khas ADUN

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan 99 (a), semua baucar atau baucar elektronik hendaklah disokong dengan dokumen sokongan asal yang lengkap mengenai setiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja. PKPN telah mengeluarkan surat bertarikh 30 Julai 2018 berkaitan format dokumen tuntutan yang perlu dikemukakan oleh ADUN (Lampiran A dan Lampiran A1) bagi menyeragamkan dokumen tuntutan.
- b. Semakan Audit terhadap 160 sampel baucar bayaran tuntutan bantuan khas DUN berjumlah RM2.71 juta bagi DUN di daerah Kuantan, Pekan dan Lipis bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 mendapati sebanyak **122 (76.3%) baucar bayaran berjumlah RM2.20 juta (81.2%) tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap melibatkan 179 kes.** Dokumen sokongan ini penting bagi membuktikan bahawa pembayaran telah dibuat kepada penerima yang sah. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16
BAUCAR BAYARAN TIDAK DISOKONG
DENGAN DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP**

BIL.	DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DIKEPILKAN BERSAMA BAUCAR BAYARAN	BAUCAR YANG TIDAK LENGKAP	
		BIL. KES	AMAUN (RM Juta)
1.	Surat permohonan sumbangan daripada JKKK/persatuan/ pertubuhan/penerima sumbangan	97	1.71
2.	Baucar kecil kepada penerima sumbangan	43	0.92
3.	Senarai nama penerima sumbangan daripada JKKK/persatuan/ kelab bagi program yang melibatkan pemberian sumbangan kepada masyarakat	34	0.61
4.	Invois bagi membekal barangan/makan minum program (Bayaran kepada pembekal)	5	0.10
JUMLAH		179	

Sumber: PKPN

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati surat permohonan sumbangan daripada JKKK/persatuan/pertubuhan/penerima sumbangan merupakan dokumen sokongan yang paling banyak tidak dikemukakan untuk

menyokong bayaran, iaitu sebanyak 97 kes atau 60.6%. Hal ini diikuti dengan baucar kecil kepada penerima sumbangan yang tidak disediakan, iaitu sebanyak 43 kes atau 26.9%.

- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap 121 baucar bayaran yang disokong dengan baucar kecil mendapati **maklumat penerima bagi 195 (23%) daripada 847 kes tidak diisi dengan lengkap** kerana maklumat seperti tarikh, nama, alamat, nombor telefon, tandatangan dan tandatangan pengesahan penerima tidak dicatatkan. Analisis Audit juga mendapati maklumat nombor telefon penerima adalah paling tinggi tidak diisi dengan lengkap dalam baucar kecil, iaitu melibatkan 65 baucar bayaran atau 53.7% diikuti dengan nombor kad pengenalan sebanyak 55 baucar bayaran atau 45.5%.
- e. Tuntutan bulanan bantuan khas ADUN yang tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan sempurna berlaku disebabkan pemantauan daripada pihak pengurusan PKPN kurang berkesan. Perkara ini mengakibatkan kesukaran untuk mengesahkan penerimaan bantuan sumbangan kewangan oleh penerima. Selain itu, ia juga mengakibatkan risiko kepentingan Kerajaan negeri terjejas kerana pematuan peraturan ini bertujuan memastikan perbelanjaan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti.

Maklum Balas PKPN yang Diterima pada 24 Mac 2021

Surat kelulusan peruntukan Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2020 PERB.PHG.400-6/6.2/5 (63) bertarikh 10 Februari 2020 telah diedarkan kepada semua ADUN yang terlibat. Para 3 kepada surat tersebut menjelaskan keperluan Borang Tuntutan Bantuan Khas ADUN Negeri Pahang (Lampiran A) perlu dilengkapkan dan disahkan oleh ADUN sebelum diangkat ke PKPN untuk urusan pembayaran.

Pendapat Audit

Pengurusan tuntutan bulanan bantuan khas ADUN tidak cekap kerana terdapat baucar bayaran yang tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap dan sempurna.

5.2.4. Pemantauan

5.2.4.1. Pemantauan ialah tanggungjawab pengurusan yang dilakukan secara berterusan semasa pelaksanaan program atau aktiviti untuk memastikan setiap program atau aktiviti dapat dilaksanakan mengikut perancangan, mengenal pasti masalah dan keperluan semasa serta mengambil tindakan yang bersesuaian. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan pengurusan peruntukan khas DUN oleh BPEN, PKPN dan PDT seperti perenggan yang berikut:

- a. BPEN **tidak menyediakan laporan penilaian output/ keberhasilan projek di bawah Peruntukan Khas Kawasan DUN kepada pengurusan tertinggi.** Mesyuarat Pemantauan Projek Pembangunan RMKe-11 Peruntukan Negeri (P02-P30) yang diadakan secara sukuan hanya membentangkan status prestasi kewangan dan tidak melaporkan pengukuran output dan keberhasilan projek.
- b. PKPN **tidak menyediakan laporan prestasi perbelanjaan Projek Khas Negeri mengikut DUN dan daerah bagi tempoh bulan Oktober 2018 hingga tahun 2020.** Laporan yang disediakan dan dilaporkan dalam beberapa mesyuarat termasuk Mesyuarat Pemantauan Projek Pembangunan Negeri adalah secara menyeluruh dan tidak dipecahkan mengikut DUN dan daerah.
- c. PDT tidak menjalankan **pemantauan projek kecil dengan teratur.** Selain itu, tidak ada semakan oleh penyelia terhadap laporan harian semasa kerja dilaksanakan.

5.2.4.2. Pemantauan kurang berkesan kerana proses pemantauan tidak dijelaskan secara terperinci dalam prosedur kerja dan garis panduan melibatkan semua pihak. Perkara ini menjejaskan kecekapan dan keberkesanan pengurusan projek dan pengurusan bayaran.

Maklum Balas PKPN yang Diterima pada 24 Mac dan 20 Ogos 2021

Perbincangan telah diadakan pada 19 Mac 2021 bersama Pengurusan Tertinggi di PKPN. Bagi tujuan penambahbaikan, PKPN dijadualkan akan membangunkan satu sistem pelaporan yang seragam di peringkat PDT, Pejabat DUN dan PKPN dengan

kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat. Sistem ini dibangunkan bagi tujuan untuk memudahkan urusan pemantauan perbelanjaan dan fizikal di peringkat PDT dan PKPN bagi Projek Kecil Negeri dan Projek Khas Negeri.

Penambahbaikan terhadap GPDUN telah diambil tindakan segera. Draf GPDUN dalam tindakan untuk mendapatkan maklum balas daripada PDT sebelum dimuktamadkan untuk diguna pakai sebagai panduan.

Unit Pemantauan Projek Khas telah ditubuhkan di bawah PKPN pada 3 Mei 2021 terdiri daripada lapan orang pegawai/kakitangan diketuai oleh Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Gred M44). Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan projek-projek Negeri dan sumbangan yang diluluskan YAB Menteri Besar, memproses permohonan OG, tuntutan bulanan ADUN di bawah peruntukan Pembangunan (P03) dan Akaun Amanah Dana Khas Negeri serta menyediakan pelaporan secara berkala untuk pelaporan kepada YAB Menteri Besar dan YB Pegawai Kewangan Negeri.

Pemantauan projek-projek Negeri dilaksanakan dalam dua kaedah iaitu pemantauan secara fizikal ke tapak projek dan pelaporan secara bertulis status projek dan prestasi belanja bagi setiap daerah.

Maklum Balas PDK yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDK telah mengeluarkan memo dalaman bertarikh 6 Ogos 2021 kepada penolong jurutera bagi memastikan pemantauan projek kecil dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Selain itu, Borang Pemantauan Projek dan Laporan Prestasi Kontraktor perlu diselenggarakan dan dilengkapi oleh Penolong Jurutera.

Maklum Balas PDTP yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDTP telah mengambil tindakan dengan menambah baik prosedur kerja bagi setiap pelaksanaan projek dengan menetapkan penggunaan buku log harian pemantauan projek oleh Penolong Jurutera bertarikh 1 Mac 2021. Penyelia juga perlu membuat semakan dan pengesahan terhadap laporan harian semasa kerja dilaksanakan.

Maklum Balas PDTL yang Diterima pada 9 Ogos 2021

PDTP telah mengambil tindakan dengan menambah baik prosedur kerja dengan menetapkan keperluan penyelenggaraan buku laporan pemantauan projek oleh

Penolong Jurutera bermula pada bulan April 2021. Penyelia juga perlu membuat semakan dan pengesahan terhadap laporan pemantauan tersebut.

Pendapat Audit	Pemantauan kurang berkesan menyebabkan berlakunya kelemahan dalam perancangan projek, pengurusan projek dan pengurusan bayaran.
---------------------------	--

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dan sampel Audit, dapat dirumuskan pengurusan peruntukan khas kawasan DUN tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan kerana berlaku kelemahan dalam perancangan projek, pengurusan projek, pengurusan bayaran dan pemantauan. Kelemahan ini menjejaskan pencapaian objektif yang ditetapkan bagi penyaluran dan pelaksanaan program/projek untuk memenuhi keperluan rakyat. Selain itu, tiada sebarang sasaran dan indikator bagi mengukur output dan keberhasilan, selain penilaian terhadapnya juga tidak pernah dilaksanakan.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dilakukan, disyorkan pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

7.1. BPEN, PKPN, PMB dan PDT perlu menetapkan sasaran atau KPI output projek dan melaksanakan penilaian keberhasilan bagi mengukur impak projek yang dilaksanakan;

7.2. BPEN, PKPN, PMB dan PDT perlu membuat perancangan dan kajian dengan lebih teliti agar semua projek yang dilaksanakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan tiada pembaziran berlaku;

7.3. PDT dan PKPN perlu melaksanakan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci dalam pelaksanaan projek dan pengurusan kewangan selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan

7.4. PDT perlu memberi latihan yang bersesuaian secara berterusan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran mereka dalam pengurusan kewangan dan projek.



KERAJAAN NEGERI PAHANG

2. SISTEM PENDIDIKAN ISLAM PAHANG SDN. BHD.

KERAJAAN NEGERI PAHANG

SISTEM PENDIDIKAN ISLAM PAHANG SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd. (SPIP) ditubuhkan pada 20 November 1998 di bawah Akta Syarikat 1965 merupakan Syarikat Berhad Menurut Syer milikan penuh Kerajaan Negeri Pahang dengan modal berbayar berjumlah RM24.30 juta. Objektif penubuhan SPIP adalah untuk menyediakan program pengajian berkualiti berlandaskan Islam dan bersesuaian dengan keperluan semasa.
- Pengauditan meliputi tiga aspek utama, iaitu tadbir urus korporat, aktiviti utama syarikat dan kedudukan kewangan.
- Bagi tadbir urus korporat, penilaian dilaksanakan terhadap sembilan aspek, iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Prosedur Operasi Standard (SOP), Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), penubuhan Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Audit (JKA), Audit Dalam serta pemantauan syarikat subsidiari. Pihak Audit juga membuat penilaian terhadap pengurusan kewangan SPIP.
- Pengurusan aktiviti dinilai terhadap dua bidang utama, iaitu prestasi aktiviti dan pelaksanaan aktiviti Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Prestasi aktiviti dinilai daripada aspek pencapaian output dan keberhasilan (outcome). Perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti pula adalah nisbah pensyarah berbanding pelajar dan tunggakan yuran pelajar.
- Analisis terhadap kedudukan kewangan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti, nisbah kewangan serta aliran tunai berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2017, 2018 dan 2019.
- Pengauditan dijalankan di pejabat SPIP di Kuantan, Pahang. pemeriksaan fizikal turut dibuat terhadap aset dan kemudahan yang disediakan, iaitu penginapan pelajar, pengangkutan, auditorium, dewan dan bilik kuliah, bilik simulasi pendidikan awal kanak-kanak, akademi hadis, studio fotografi, perpustakaan dan kafeteria.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan syarikat SPIP melalui pengurusan aktiviti IPTS yang cekap, berhemat dan berkesan, amalan tadbir urus korporat yang baik serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

Apa yang ditemui Audit?

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan, objektif penubuhan SPIP telah dicapai. Namun, aspek tadbir urus korporat SPIP adalah kurang memuaskan dan memerlukan penambahbaikan. Pengurusan aktiviti pula adalah baik kecuali aspek tunggakan yuran pelajar yang menunjukkan peningkatan pada tahun 2018 dan 2020. Kedudukan kewangan SPIP pula berada pada tahap stabil kerana mencatat keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

Tadbir Urus Korporat

- Sebanyak lima daripada sembilan aspek amalan tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya seperti berikut:
 - Kod Tatalaku dan Etika Syarikat serta Piagam Lembaga Pengarah tidak disediakan;
 - peranan Setiausaha Syarikat kurang berkesan dalam menasihati Lembaga Pengarah berkaitan amalan tadbir urus korporat yang baik seperti menyediakan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat, Piagam Lembaga Pengarah serta penubuhan Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Audit (JKA);
 - Pelan Strategik dan KPI SPIP tidak dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
 - Jawatankuasa Kewangan dan JKA masih belum ditubuhkan oleh SPIP;
 - Unit Audit Dalam (UAD) tidak diwujudkan;
 - pengurusan perolehan secara sebut harga berjumlah RM0.63 juta tidak mematuhi Peraturan Kewangan SPIP iaitu tidak mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga; dan
 - Lembaga Pemeriksa Pelupusan tidak dilantik bagi tujuan pelupusan aset.

Pengurusan Aktiviti

- Wujud kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti antaranya:
 - tunggakan yuran pelajar pada tahun 2018 dan 2020 meningkat masing-masing sejumlah RM2.41 juta (63.9%) dan RM2.20 juta (38.2%). Daripada jumlah tersebut, RM447,340 merupakan tunggakan bagi pelajar yang tidak tamat pengajian seramai 129 orang bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020;
 - peruntukan hutang ragu yang dibuat terhadap tunggakan yuran sejumlah RM0.86 juta bagi sebahagian sesi 2004/2005 hingga sesi 2014/2015 tidak mematuhi polisi hutang ragu kerana tuntutan tunggakan yuran berkenaan tidak pernah dibawa ke peringkat mahkamah; dan
 - dari segi pencapaian keberhasilan, iaitu kebolehpasaran graduan yang berjaya mendapat pekerjaan adalah lebih rendah daripada puratus purata nasional.

Kedudukan Kewangan

- Kedudukan kewangan SPIP adalah stabil:
 - mencatat keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2017, 2018 dan 2019, iaitu masing-masing berjumlah RM0.72 juta, RM9.67 juta dan RM0.89 juta;
 - keuntungan terkumpul SPIP meningkat setiap tahun daripada kerugian terkumpul sejumlah RM8.97 juta pada tahun 2017 kepada keuntungan terkumpul berjumlah RM11.92 juta pada akhir tahun 2019; dan
 - tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2019 yang berbaki positif sejumlah RM1.17 juta menunjukkan SPIP mempunyai tunai yang mencukupi bagi membiayai perniagaannya.

KERAJAAN NEGERI PAHANG

2. SISTEM PENDIDIKAN ISLAM PAHANG SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

20 November 1998	20 Oktober 2015	RM11.92 Juta
Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd. (SPIP) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965	Diluluskan beroperasi sebagai kolej universiti oleh Kementerian Pengajian Tinggi	Keuntungan terkumpul Sehingga 31 Disember 2019
Objektif Penubuhan	Menyediakan program pengajian berkualiti berlandaskan Islam dan bersesuaian dengan keperluan semasa	
Aktiviti Utama	Aktiviti perniagaan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	
Perbadanan Induk	Merupakan syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri Pahang	
Jenis Syarikat	Syarikat Berhad Menurut Syer	
Modal Berbayar	RM24.30 juta	


1. LATAR BELAKANG

1.1. Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd. (SPIP) ditubuhkan pada 20 November 1998 di bawah Akta Syarikat 1965. SPIP merupakan syarikat berhad menurut syer milikan penuh Kerajaan negeri dengan modal berbayar berjumlah RM24.30 juta. Objektif penubuhan SPIP adalah untuk menyediakan program pengajian berkualiti berlandaskan Islam dan bersesuaian dengan keperluan semasa.

1.2. Sejak tahun 1998, SPIP telah menjalankan aktiviti perniagaan berteraskan pendidikan melalui Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS). Pada 10 April 2015, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan permohonan SPIP untuk menubuhkan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf kolej universiti iaitu Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). KUIPSAS mula beroperasi pada 20 Oktober 2015 setelah mendapat kelulusan perakuan pendaftaran IPTS daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

1.3. Pendapatan utama SPIP adalah daripada aktiviti pendidikan yang terdiri daripada yuran pengajian. SPIP juga menerima geran mengurus daripada Kerajaan negeri untuk aktiviti operasi. Model perniagaan SPIP adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1 MODEL PERNIAGAAN SPIP



Sumber: SPIP dan Jabatan Audit Negara

1.4. Pengauditan pengurusan syarikat SPIP pernah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011. Antara penemuan yang dilaporkan adalah pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran; tunggakan yuran meningkat; kos pentadbiran yang tinggi menyebabkan peningkatan pada jumlah perbelanjaan sehingga membawa kerugian kepada syarikat; serta mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan syarikat SPIP melalui pengurusan aktiviti IPTS yang cekap, berhemat dan berkesan, amalan tadbir urus korporat yang baik serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan sembilan aspek tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Selain itu, aspek pengurusan kewangan berkaitan dengan perolehan dan pengurusan aset juga diaudit. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti utama syarikat iaitu pengurusan IPTS. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2017, 2018 dan 2019.

3.2. Dua bidang utama yang dinilai bagi pengauditan aktiviti ialah prestasi dan pengurusan aktiviti perniagaan IPTS. Prestasi aktiviti dinilai dari aspek pencapaian output dan keberhasilan (outcome). Perkara yang dinilai dalam pengurusan aktiviti perniagaan IPTS pula ialah nisbah pensyarah berbanding pelajar dan tunggakan yuran pelajar.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat SPIP di Kuantan, Pahang. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dibuat terhadap aset dan kemudahan yang disediakan iaitu penginapan pelajar, pengangkutan, auditorium, dewan dan bilik kuliah, bilik simulasi pendidikan awal kanak-kanak, akademi hadis, studio fotografi, perpustakaan dan kafeteria.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan SPIP serta menganalisis data berkaitan. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap aktiviti IPTS juga telah dijalankan pada bulan Oktober 2020. Selain itu, analisis Audit telah dibuat terhadap 155 borang soal selidik yang diedarkan secara talian pada 21 Oktober 2020 untuk mendapatkan maklum balas pelajar terhadap program dan kemudahan yang disediakan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan SPIP yang telah diaudit oleh Tetuan Wan Nadzir & Co. bagi tahun 2017, 2018 dan 2019. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; dan analisis aliran tunai. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2020. Perkara yang ditemui serta maklum balas SPIP telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 4 Februari 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Tadbir Urus Korporat

5.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai

syarikat di bawah Kerajaan negeri, pengurusan SPIP perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta Syarikat 2016, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perlembagaan Syarikat, Prosedur Operasi Standard (SOP) serta peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, rujukan boleh dibuat terhadap amalan terbaik daripada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2017, The Green Book – Enhancing Board Effectiveness April 2006 (Green Book) dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD Handbook].

5.1.2. Pengurusan SPIP diketuai oleh Rektor dan dibantu oleh 160 kakitangan yang terdiri daripada 82 orang kakitangan akademik dan 78 orang kakitangan bukan akademik. SPIP mempunyai seorang ketua untuk setiap bahagian/jabatan/pejabat/unit. Selain itu, SPIP turut mempunyai Lembaga Pengelola dan Senat. Lembaga Pengelola berperanan sebagai badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Kolej Universiti. Senat pula berperanan untuk menyediakan kursus pengajaran, mengadakan peperiksaan, menyediakan anggaran peruntukan untuk tujuan penyelidikan, dan mengambil langkah-langkah lain untuk kemajuan dan penyebaran pengetahuan. Struktur organisasi SPIP pada 31 Disember 2020 adalah seperti dalam **Carta 1** manakala fungsi dan peranan setiap bahagian/jabatan/pejabat/unit adalah seperti dalam **Jadual 1**.

CARTA 1
CARTA ORGANISASI SPIP PADA 31 DISEMBER 2020



Sumber: SPIP

JADUAL 1
FUNGSI DAN PERANAN JABATAN DI SPIP

JABATAN/BAHAGIAN/ PEJABAT/UNIT	FUNGSI DAN PERANAN
Akademik	• Menguruskan urusan dokumentasi serta urusan yang berkaitan proses kelulusan mengendalikan program pengajian antara KUIPSAS dan KPT. • Menguruskan prosedur rekod pengajaran, penjadualan dan pendaftaran kursus dan pengesahan pelaksanaan kursus. • Menguruskan prosedur penyediaan dan pelaksanaan peperiksaan akhir. • Menguruskan persediaan dan pelaksanaan Latihan Industri pelajar.
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	• Merancang dan memantau aktiviti kokurikulum pelajar. • Pengurusan penginapan pelajar. • Kebajikan dan keselamatan pelajar. • Disiplin dan tata tertib pelajar. • Pengurusan pelajar antarabangsa. • Alumni dan <i>tracers study</i>.
Penyelidikan dan Inovasi	• Pengurusan dana penyelidikan. • Penerbitan jurnal. • Paten dan komersialisasi produk inovasi. • Memberi latihan penyelidikan secara berterusan kepada kakitangan akademik. • Mengenal pasti dan membangunkan potensi sumber sedia ada.
Pendaftar	• Menyelia, mengurus dan merekodkan setiap aset syarikat. • Menerima dan merekod tempahan ruang fasiliti dari pengguna dalaman dan luaran. • Menyelia dan mengawal setiap anggota pengawal keselamatan. • Menguruskan permintaan cetakan dan dokumentasi dokumen Anggota Kerja KUIPSAS. • Menguruskan dan memantau kontrak sebut harga kerja. • Memantau dan menyelia kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan.
Ketua Pustakawan	• Mempromosikan perkhidmatan & aktiviti perpustakaan melalui media sosial. • Mengawal peruntukan pembelian buku. • Menyediakan data penerbitan universiti bagi memenuhi keperluan pengurusan universiti, fakulti, pusat dan jabatan. • Pusat simpanan rekod KUIPSAS dan menjadikan bahan arkib universiti tersedia untuk dirujuk.
Bendahari	• Menjana pendapatan dan menyediakan sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai pengurusan dan pembangunan universiti. • Menentukan sumber kewangan dibelanjakan mengikut had yang diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi Universiti serta mengikut akta, dasar dan peraturan kewangan universiti yang telah ditetapkan. • Memperakaunkan semua transaksi kewangan seperti mana yang diperuntukkan oleh akta, dasar dan peraturan kewangan universiti.
Kualiti	• Mengurus, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti KUIPSAS berdasarkan piawaian ISO9001:2015 dan MS1900:2014. • Merancang dan membantu menyelaraskan program-program kualiti serta memastikan pematuhan terhadap akta, garis panduan dan standard yang ditetapkan. • Menyelaraskan dan mengawal tindakan untuk proses penambahbaikan berterusan. • Melaporkan status terkini sistem pengurusan kualiti kepada pengurusan tertinggi KUIPSAS.
Perundangan	• Memberikan khidmat nasihat am mengenai kepentingan undang-undang dalam transaksi yang dimasuki oleh KUIPSAS. • Memberikan khidmat nasihat undang-undang mengenai prosedur tindakan tata tertib staf dan pelajar. • Memberi khidmat nasihat dari segi perundangan, polisi, dasar, pekeliing dan arahan kepada semua bahagian atau pihak berkuasa.
Pusat Islam	• Melaksanakan aktiviti pendidikan kerohanian, keagamaan dan pembangunan kepada mahasiswa, staf serta masyarakat sekitar. • Menjana peranan masjid sebagai pusat ibadah, perkembangan ilmu dan pembangunan insan. • Mewujudkan E-Jemaah Masjid KUIPSAS. • Menjadi tempat rujuk isu-isu agama kepada pelajar, staf dan masyarakat setempat.
Perancangan Strategik	• Menyelaraskan penyediaan perancangan strategik KUIPSAS dengan menyokong Visi, Misi, Falsafah dan Objektif KUIPSAS. • Menyelaraskan pelaksanaan dan pemantauan perancangan strategik KUIPSAS.

Sumber: SPIP

5.1.3. SPIP mempunyai enam orang Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang pengerusi dan lima ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah yang dilantik terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan dua orang pesara yang pernah memegang jawatan tertinggi Kerajaan negeri. Lembaga Pengarah syarikat SPIP kesemuanya merupakan Pengarah berstatus bebas.

5.1.4. Semakan Audit mendapati SPIP telah mengamalkan empat daripada sembilan aspek tadbir urus korporat, iaitu Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif, SOP dan pemantauan syarikat subsidiari. Bagaimanapun, lima aspek tadbir urus korporat yang lain didapati tidak diamalkan sepenuhnya, iaitu Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), penubuhan Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Audit (JKA) serta Audit Dalam. Pihak Audit juga membuat penilaian terhadap pengurusan kewangan SPIP. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan dan kelemahan dalam pengurusan kewangan yang ditemui adalah seperti perenggan berikut:

5.1.4.1. Lembaga Pengarah

- a. Perenggan 24 dalam Perlembagaan SPIP menetapkan bilangan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) perlu diadakan sekurang-kurangnya dua kali setiap tahun. Bagi tempoh 2017 hingga 2020, SPIP telah mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah sebanyak 10 kali iaitu hanya sekali pada tahun 2017, dua kali pada tahun 2018, tiga kali pada tahun 2019 serta empat kali pada tahun 2020. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah antaranya adalah status naik taraf ke universiti penuh, laporan kewangan syarikat, laporan unit pendaftar dan rekod, laporan kemajuan akademik dan bajet tahunan syarikat.
- b. MCCG 2017 Amalan 3.1 menyatakan Lembaga Pengarah perlu mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Kod tersebut hendaklah menerangkan dengan jelas amalan yang boleh diterima pakai dan memberi panduan tentang tata kelakuan pengarah, pihak pengurusan dan pekerja syarikat. Semakan Audit mendapati **Kod Tatalaku dan Etika tidak diwujudkan oleh Lembaga Pengarah**. Hal ini kerana keperluan mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika sebagaimana saranan amalan terbaik yang dinyatakan dalam MCCG 2017 tidak dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Ketiadaan Kod Tatalaku dan Etika boleh menimbulkan risiko berlakunya konflik kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan tingkah laku yang tidak beretika dalam persekitaran budaya syarikat.

- c. Mengikut MCCG 2017 Amalan 2.1 dan Panduan 2.1, Lembaga Pengarah perlu mempunyai Piagam Lembaga Pengarah yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati **Piagam Lembaga Pengarah tidak disediakan**. Hal ini kerana keperluan mewujudkan Piagam Lembaga Pengarah sebagaimana amalan terbaik mengikut saranan MCCG 2017 tidak dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Ketiadaan Piagam Lembaga Pengarah boleh menyebabkan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah serta perwakilan kuasa kepada pengurusan syarikat tidak jelas.

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 12 Ogos 2021

Piagam Lembaga Pengarah serta Kod Tatalaku dan Etika SPIP telah diluluskan untuk diguna pakai dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2021 pada 5 Mac 2021.

Pendapat Audit | **Ketiadaan Kod Tatalaku dan Etika syarikat serta Piagam Lembaga Pengarah mewujudkan risiko tingkah laku tidak beretika dalam syarikat dan fungsi Lembaga Pengarah yang tidak jelas.**

5.1.4.2. Setiausaha Syarikat

- a. Seksyen 235 hingga 242, Akta Syarikat 2016 menetapkan peraturan berhubung dengan pelantikan Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat hendaklah mematuhi Kod Etika Setiausaha Syarikat yang dikeluarkan oleh SSM dalam menjalankan tanggungjawabnya. Peranan utama Setiausaha Syarikat adalah membimbing, memberi panduan dan menasihati ahli Lembaga Pengarah berkaitan peraturan dan peruntukan yang termaktub bagi sesuatu syarikat.
- b. SPIP telah melantik dua orang Setiausaha Syarikat pada 1 Oktober 2016. Bagaimanapun, seorang daripada Setiausaha tersebut telah meletakkan jawatan pada 28 Julai 2017. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati **Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah berkaitan amalan tadbir urus korporat yang baik kerana agenda tersebut tidak dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah**. Perkara ini memberi kesan kepada penyediaan Kod Tatalaku dan Etika syarikat serta Piagam Lembaga Pengarah, pembentangan

Pelan Strategik dan KPI untuk kelulusan Lembaga Pengarah serta penubuhan Jawatankuasa Kewangan dan JKA bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi dengan lebih berkesan.

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 15 Januari 2021

Pada tahun 2017 dan 2018 juga, SPIP sedang melalui tempoh transisi berkaitan keperluan Akta Syarikat 2016 yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2017. Hal ini menyebabkan pihak SPIP belum melaksanakan tadbir urus korporat yang baik secara menyeluruh seperti penyediaan Piagam Lembaga Pengarah serta Kod Tatalaku dan Etika SPIP.

Pendapat Audit | Peranan Setiausaha Syarikat kurang berkesan dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk memberi khidmat nasihat kepada Lembaga Pengarah.

5.1.4.3. Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama

- a. MCCG 2017 Amalan 1.1 dan MKD *Handbook* Perenggan 2.2(b) menyarankan antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan Pelan Strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya. Pelan Strategik yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah (ALP). Mengikut *Green Book* Perenggan 3.2 dan MKD *Handbook* Perenggan 3.33 hingga 3.35, sasaran dan pencapaian KPI perlu disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- b. Semakan Audit mendapati SPIP telah menyediakan Pelan Strategik bagi tahun 2015 sehingga 2020. Selain itu, KPI juga ada disediakan setiap tahun. Bagaimanapun, **Pelan Strategik dan KPI berkenaan tidak dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.** Hal ini disebabkan keperluan bagi membentangkan Pelan Strategik dan KPI untuk kelulusan Lembaga Pengarah tidak dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Perkara ini menyebabkan ALP tidak dapat memberikan ulasan dan pendapat untuk menambah baik dan memperkukuh Pelan Strategik serta KPI sebelum dilaksanakan.

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 12 Ogos 2021

Pencapaian Pelan Strategik dan KPI 2015-2020 dan Pelan Strategik dan KPI 2021-2025 telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2021 pada 5 Mac 2021.

Pendapat Audit | **Pelan Strategik dan KPI yang tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah menyebabkan ALP tidak dapat memantau pelaksanaan dan pencapaian Pelan Strategik syarikat.**

5.1.4.4. Penubuhan Jawatankuasa

a. Jawatankuasa Kewangan

Perlembagaan SPIP, Perenggan 41 menyatakan syarikat perlu menubuhkan Jawatankuasa Kewangan untuk mengatur, mengawal dan mengurus kewangan syarikat dan Kolej Universiti. Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, Rektor selaku Setiausaha dan dua wakil daripada Ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati **Jawatankuasa Kewangan masih belum ditubuhkan**. Hal ini kerana pengurusan SPIP tidak peka akan keperluan mewujudkan Jawatankuasa Kewangan sebagaimana keperluan Perenggan 41, Perlembagaan SPIP. Ketiadaan Jawatankuasa Kewangan menyebabkan syarikat tidak dapat mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan dan akaun syarikat dengan lebih berkesan serta menepati SOP yang ditetapkan.

b. Jawatankuasa Audit

MCCG 2017 dan *Green Book* Perenggan 1.2.1. menyarankan Lembaga Pengarah mewujudkan Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat. Semakan Audit mendapati **Jawatankuasa Audit (JKA) masih belum ditubuhkan oleh SPIP sejak penubuhannya**. Ketiadaan JKA menyebabkan syarikat tidak dapat menilai kualiti dan kawalan dalaman operasi syarikat bagi tujuan meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan pengurusan syarikat.

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 12 Ogos 2021

Rangka Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Audit SPIP telah dimasukkan dalam Perlembagaan Syarikat. SPIP telah mengemukakan Perlembagaan Syarikat yang dikemas kini untuk kelulusan Kementerian Penggajian Tinggi pada 13 Julai 2021 setelah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2021 pada 5 Mac 2021.

Pendapat Audit | **Ketiadaan Jawatankuasa Kewangan dan JKA menyebabkan kawalan dalaman operasi syarikat tidak dapat dinilai dan kelemahan operasi tidak dapat dikesan.**

5.1.4.5. Audit Dalam

- a. Berdasarkan MCCG 2017 Panduan 10.1, JKA hendaklah menentukan fungsi audit dalaman dengan membuat keputusan mengenai pelantikan dan penyingkiran; skop kerja; penilaian prestasi dan bajet. Audit dalaman—dilaksanakan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat.
- b. Semakan Audit **mendapati Audit Dalam yang berperanan melaksanakan semak dan imbang (check and balance) terhadap kawalan dalaman SPIP bagi urusan kewangan tidak diwujudkan.** Ketiadaan Audit Dalam yang menjalankan pengauditan secara menyeluruh dan berkala terhadap kawalan dalaman syarikat menyebabkan kelemahan yang berlaku dalam operasi syarikat tidak dapat dikenal pasti.
- c. SPIP telah memperoleh sijil MS 1900:2014 dan MS ISO 9001:2015. Bagi memenuhi keperluan Sistem Pengurusan Kualiti dan melanjutkan tempoh persijilan ISO tersebut, Ketua Audit Dalam telah dilantik bagi menjalankan pengauditan tersebut bagi tahun 2017 hingga 2019. SPIP telah menerima pelanjutan tempoh Sijil MS 1900:2014 dan Sijil MS ISO 9001:2015 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 7 Ogos 2020.

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 12 Ogos 2021

Unit Audit Dalam akan dilantik apabila Jawatankuasa Audit SPIP ditubuhkan setelah mendapat kelulusan Perlembagaan Syarikat daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Pelantikan Ketua Audit Dalam (CIA) ini adalah berdasarkan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti KUIPSAS MS1900:2014 & ISO9001:2015 di bawah kandungan 6.2.1 iaitu prosedur lantikan CIA. Skop tugas CIA ini hanya merangkumi keperluan Sistem Pengurusan Kualiti sahaja.

Pendapat Audit | **Ketiadaan Audit dalaman yang dibuat secara menyeluruh dan berkala tidak dapat membantu pihak SPIP untuk mengenal pasti kelemahan yang berlaku dalam operasi dan pengurusan syarikat.**

5.1.4.6. Pengurusan Kewangan

a. Pengurusan Sebut Harga Tidak Melalui Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga

- i. Mengikut Peraturan Kewangan SPIP Perenggan 47, penilaian tawaran sebut harga hendaklah dibuat oleh dua jawatankuasa yang berbeza, iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga. Bagaimanapun, **fungsi dan keahlian Jawatankuasa Penilaian Teknikal serta Jawatankuasa Penilaian Harga berkenaan tidak dinyatakan secara terperinci dalam peraturan kewangan tersebut.** Bagi perolehan pakaian sukan, kasut, perabot, ubat, catuan basah/kering, beg, alat tulis, peralatan pejabat dan sebagainya memadai satu Jawatankuasa Penilaian sahaja. Dokumen sebut harga akan diserahkan ke Pejabat Bendahari untuk dibuat penilaian harga dan menyediakan Jadual Penilaian Harga terperinci bagi setiap tawaran yang dinyatakan oleh pembekal.
- ii. Semakan Audit terhadap tujuh sebut harga berjumlah RM0.63 juta yang dikeluarkan dari tahun 2017 hingga bulan Oktober 2020 mendapati **SPIP tidak mematuhi Peraturan Kewangan SPIP Perenggan 47 iaitu mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga bagi menilai tawaran sebut harga.** Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua sebut harga telah

dinilai oleh Lembaga Kelulusan Sebut Harga/Tender Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja sahaja. Keanggotaan Lembaga ini terdiri daripada Rektor (Pengerusi), Timbalan Rektor Akademik & Pengantarabangsaan, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi, Pendaftar (Setiausaha) dan Penolong Pendaftar Pentadbiran (Urus Setia). Butiran lanjut perolehan yang tidak mengikut prosedur adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEROLEHAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR

BIL.	SEBUT HARGA			
	NOMBOR	TARIKH	PERIHAL	AMAUN (RM)
1.	KUIPSAS (SH) 7/2017 (KEW)	14.08.2017	Kerja-kerja menaik taraf, membekal, menghantar, memasang, menguji guna dan mentauliahkan peralatan infrastruktur sistem rangkaian dan sistem e-mel (UTP CAT 6 <i>Cabling Restructure</i>) di KUIPSAS	64,925
2.	KUIPSAS (SH) 10/2018 (KEW)	16.10.2018	Kerja-kerja membekal, menghantar menguji terima dan menaik taraf infrastruktur makmal multimedia ke studio multimedia di KUIPSAS	109,920
3.	KUIPSAS (SH) 1/2019 (KEW)	04.09.2019	Kerja-kerja membina dan menyiapkan tempat letak kereta berbumbung serta kerja-kerja berkaitan di KUIPSAS	82,720
4.	KUIPSAS (SH) 2/2019 (KEW)	04.09.2019	Kerja-kerja membina dan menyiapkan tandas asrama/bilik air serta kerja-kerja berkaitan di KUIPSAS	169,170
5.	KUIPSAS (SH) 3/2019 (KEW)	11.09.2019	Membekal, mencetak dan menghantar buku jawapan peperiksaan Jabatan Pengurusan Akademik KUIPSAS	53,900
6.	KUIPSAS (SH) 9/2020 (KEW)	16.07.2020	Membekal, menghantar, memasang, menyusun atur perabot untuk asrama KUIPSAS	79,825
7.	KUIPSAS (SH) 12/2020 (KEW)	21.10.2020	Membekal, menjahit, menghantar jubah konvokesyen untuk ahli lembaga pengarah, ahli lembaga pengelola dan ahli akademik KUIPSAS	73,790
JUMLAH				634,250

Sumber: Sebut Harga SPIP

- iii. Ketiadaan Jawatankuasa Kewangan dan Audit Dalam untuk mengenal pasti kelemahan yang berlaku dalam operasi dan pengurusan syarikat merupakan antara faktor yang menyebabkan berlakunya perolehan tidak mengikut prosedur.

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 15 Januari dan 11 Februari 2021

SPIP mengakui kesilapan daripada segi pelantikan ahli Jawatankuasa Sebut Harga ini. Perkara ini akan diperbetulkan kembali dengan segera mengikut Peraturan Kewangan SPIP. SPIP mengaku kesilapan proses sebut harga. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Teknikal Jawatankuasa Penilaian Harga, dan Lembaga Kelulusan Sebut Harga yang baharu telah dilantik semula pada

5 Februari 2021. Sebelum ini, tugas ini hanya dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan sahaja.

Pendapat Audit | **Pengurusan sebut harga tidak teratur kerana tidak mematuhi peraturan kewangan syarikat.**

b. Pengurusan Aset

SPIP menggunakan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang berkuat kuasa mulai 24 Julai 2015 bagi memastikan aset dan stok yang diperoleh untuk kegunaan syarikat direkodkan dan dikawal dengan sempurna. Tatacara tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1 Tahun 2016 pada 30 Jun 2016. Hasil semakan dan pemeriksaan fizikal Audit mendapati perkara seperti berikut:

- Pegawai Aset, Pegawai Stor dan Pegawai Penerima **tidak dilantik secara bertulis.**
- Sebanyak 19 (76%)** daripada 25 sampel **aset masih belum dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran serta hak dan nama** SPIP seperti dalam **Jadual 3.**

JADUAL 3
ASET YANG TIDAK MEMPUNYAI TANDA PENGENALAN

NAMA ASET	UNIT	NOMBOR SIRI PENDAFTARAN	LOKASI
<i>Studio Backdrop Mobile Stand</i>	1	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0016	Studio Fotografi
<i>Studio Backdrop Wall Mount</i>	1	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0017	
<i>Studio Lighting</i>	1	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0012	
<i>Additional Lighting Module</i>	1	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0013	
<i>Colour LaserJet Printer</i>	1	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0023	
<i>Apple iMac</i>	2	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0019/1/2 & SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0019/2/2	Studio Multimedia
<i>Audio Mixing Console</i>	1	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0003	
<i>Studio Monitoring Headphone</i>	3	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0006/1/3 hingga SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0006/3/3	
<i>Dual Diaphragm</i>	2	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0004/1/2 & SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0004/2/2	
<i>Audio Acoustic Panel</i>	1	SPIPSB/KUIPSAS/H/18/0007	
<i>Perabot Custom</i>	1	SPIPSB/KUIPSAS/H/2020/0001	Akademi Hadis
<i>Leardal Baby Anne</i>	2	SPIPSB/KUIPSAS/H/19/0001/1 & SPIPSB/KUIPSAS/H/19/0001/2	Bilik Simulator Pendidikan Awal Kanak-Kanak
<i>Preston Baby</i>	2	SPIPSB/KUIPSAS/H/19/0001/1 & SPIPSB/KUIPSAS/H/19/0001/2	

Sumber: Senarai Daftar Harta Modal SPIPSB & Pemeriksaan Fizikal Audit

iii. Berdasarkan Fail Pelupusan didapati SPIP ada membuat pelupusan kenderaan dan peralatan *Information and Communication Technology* (ICT) pada tahun 2020. Semakan lanjut Audit mendapati **Lembaga Pemeriksa Pelupusan tidak dilantik bagi tujuan pelupusan berkenaan, dan KEW.PA-16, KEW.PA-17 serta KEW.PA-19 juga tidak disediakan.** Proses pelupusan bagi kenderaan dan peralatan ICT diluluskan dalam Mesyuarat Fokus SPIP Bil. 12 dan Bil. 14 Tahun 2020 yang dipengerusikan oleh Rektor dilaksanakan seperti berikut:

- mesyuarat telah bersetuju untuk melupuskan tiga buah kenderaan masing-masing sebuah bas, van dan kereta dengan harga jualan sejumlah RM12,000; dan
- mesyuarat bersetuju untuk melupuskan 465 unit peralatan ICT antaranya *centre processing unit* (CPU), monitor, papan kunci dan projektor sejumlah RM1,663.

iv. Semakan Audit mendapati SPIP tidak melaksanakan kaedah pelupusan yang lebih sesuai dan menguntungkan seperti secara tender, sebut harga atau lelongan. Aset tersebut telah dilupuskan secara jualan kepada satu pembeli masing-masing bagi kenderaan dan peralatan ICT. Senarai aset yang dilupuskan seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
ASET YANG TELAH DIJUAL SECARA JUALAN TERUS BAGI TUJUAN PELUPUSAN

BIL.	PERKARA	KELULUSAN	NO. & TARIKH RESIT	AMAUN (RM)
1.	Pelupusan sebuah bas, van dan kereta	Minit Mesyuarat Fokus KUIPSAS Bil. 14 Tahun 2020 bertarikh 7 September 2020	031606 & 18.09.2020 (Bas) 031607 & 14.09.2020 (van & kereta)	12,000
2.	Pelupusan 465 unit peralatan ICT	Minit Mesyuarat Fokus KUIPSAS Bil. 12 Tahun 2020 bertarikh 6 Ogos 2020	11509 26.08.2020	1,663
JUMLAH				13,663

Sumber: Fail Pelupusan SPIP

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 15 Januari dan 11 Februari 2021

Secara praktikalnya, pengurusan syarikat menjalankan tugas berdasarkan jawatan yang disandang. Justeru, kakitangan khusus yang menguruskan stor tidak dilantik dan hanya menjalankan tugas mengikut arahan dan senarai tugas sahaja. Namun begitu, lantikan Pegawai Aset akan dibuat dengan kadar segera. Justeru, tiada surat secara bertulis diberikan kepada pegawai yang menerima, memeriksa dan

mengesahkan aset pejabat. Pegawai yang dilantik dipilih mengikut jawatan dan jabatan masing-masing. Proses pengurusan aset tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya akibat kekurangan tenaga kerja dan juga pengetahuan yang berkaitan. Namun perkara ini telah ditambah baik dari semasa ke semasa. Pegawai Aset, Pembantu Pegawai Aset, Pegawai Stor, Pegawai Penerima, Lembaga Pemeriksa Pelupusan dan Pasukan Petugas Pelupusan telah dilantik pada 5 dan 8 Februari 2021.

Pendapat Audit | Pengurusan aset kurang cekap kerana pelantikan pegawai, pendaftaran, pelabelan dan pelupusan tidak dilaksanakan mengikut SOP.

5.2. Aktiviti SPIP

5.2.1. Aktiviti Perniagaan Berteraskan Pendidikan

5.2.1.1. SPIP merupakan sebuah syarikat berteraskan pendidikan yang menjalankan aktivitinya melalui KUIPSAS. Setakat bulan Disember 2020, KUIPSAS telah menawarkan 29 program pengajian meliputi peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di bawah Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Pengurusan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Fakulti Pengajian Bahasa dan Asasi.

5.2.1.2. Semua program yang ditawarkan di KUIPSAS telah mendapat pengiktirafan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program yang ditawarkan termasuk program kerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan, iaitu Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Senarai program dan tempoh pengajian yang ditawarkan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SENARAI PROGRAM DAN TEMPOH PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

FAKULTI	PROGRAM YANG DITAWARKAN	KOD KURSUS	TEMPOH PENGAJIAN (Tahun)
Pengajian Islam	Diploma Pengajian Islam Pengkhususan - Bahasa Arab & Tamadun Islam	BAT	3
	Diploma Pengajian Islam Pengkhususan - Dakwah & Pengurusan	DAK	3
	Diploma Pengajian Islam Pengkhususan - Syariah & Undang-undang	SUU	3

FAKULTI	PROGRAM YANG DITAWARKAN	KOD KURSUS	TEMPOH PENGAJIAN (Tahun)
	Diploma Bahasa Arab Komunikasi	BAK	3
	Diploma Pengajian Media Islam	MED	3
	Diploma Pengurusan Muamalat	MUA	3
	Diploma Kaunseling Islam	DKI	3
	Diploma Pendidikan Islam Awal Kanak-kanak Secara Islamik	PAK	3
	Diploma Pengajian Quran dan Sunnah	DQS	3
	Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian Secara Kerjasama dengan UniSHAMS	ISMSY	4
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia	ISMQS	4
	Ijazah Sarjana Muda Dakwah Islamiah Dengan Kepujian	IDI	3 ½
	Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Pentadbiran Kehakiman (Kepujian)	ISK	4
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian	IQS	3 ½
	Sarjana Pengajian Islam	SPI	Minimum : 2 Maksimum : 5
Pengajian Pengurusan	Diploma Perakaunan	ACC	3
	Diploma Pengajian Perniagaan	PEN	3
	Diploma Kewangan dan Perbankan	KEW	3
	Diploma Pengurusan Pemasaran	PEM	3
	Diploma Pengurusan Kewangan Islam	PKI	3
	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian	IPP	3 ½
	Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam (Kepujian)	IKI	3 ½
	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Dengan Kepujian	IAC	4
Pengajian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	Diploma Pembangunan Perisian (Internet & Multimedia)	DIM	3
	Diploma Teknologi Maklumat & Rangkaian	DTR	3
	Ijazah Sarjana Muda Multimedia (Pengiklanan Digital) Dengan Kepujian	IPD	3 ½
Fakulti Pengajian Bahasa Dan Asasi	Asasi Sastera Kemanusiaan	ASK	1
	<i>Diploma In English</i>	ENG	3
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa (Bahasa Inggeris untuk Kepimpinan Pengajaran)	BEL	4

Sumber: Bahagian Pengurusan Akademik KUIPSAS

5.2.2. Prestasi Aktiviti

5.2.2.1. Pencapaian Output

a. Prestasi Pendapatan dan Pendaftaran Pelajar

- i. SPIP menyediakan bajet pada setiap tahun berdasarkan pencapaian tahun sebelumnya dan dibentangkan serta diluluskan dalam mesyuarat

Lembaga Pengarah. Pendapatan utama adalah bergantung kepada jumlah pendaftaran pelajar. Berdasarkan bajet yang disediakan, SPIP telah menetapkan sasaran bilangan pelajar berdaftar (baharu dan lama) bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah antara 1,705 hingga 2,169 pelajar. Manakala anggaran pendapatan dalam tempoh tersebut adalah antara RM10.08 juta hingga RM12.05 juta. Maklumat sasaran dan pencapaian bilangan pelajar berdaftar dan pendapatan utama bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
SASARAN DAN PENCAPAIAN BILANGAN PELAJAR BERDAFTAR
DAN PENDAPATAN UTAMA BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2019

BUTIRAN	2017		2018		2019	
	BILANGAN PELAJAR	PENDAPATAN (RM Juta)	BILANGAN PELAJAR	PENDAPATAN (RM Juta)	BILANGAN PELAJAR	PENDAPATAN (RM Juta)
Sasaran	2,169	12.05	1,865	10.08	1,705	11.47
Sebenar	1,513	10.06	1,487	9.65	1,569	11.84
PENCAPAIAN (%)	69.8	83.5	79.7	95.7	92.0	103.2

Sumber: Kertas Mesyuarat Lembaga Pengarah, Sistem eCampus dan Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2017 Hingga 2019

- ii. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019, bilangan pelajar berdaftar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian bilangan pelajar berdaftar berbanding sasaran adalah sebanyak 69.8% pada tahun 2017, 79.7% (2018) dan 92% (2019). Peratusan pelajar yang berdaftar pada tahun 2017 rendah disebabkan KUIPSAS telah meletakkan sasaran pengambilan pelajar dengan mengambil kira tujuh program pengajian baharu yang masih belum diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tujuh program tersebut terdiri daripada lima program Ijazah Sarjana Muda, satu program Ijazah Sarjana dan satu program Asasi.
- iii. Semakan Audit terhadap kertas mesyuarat Lembaga Pengarah, laporan sistem eCampus dan penyata kewangan beraudit mendapati jumlah pendaftaran pelajar menurun daripada 1,513 pelajar pada tahun 2017 kepada 1,487 pelajar pada tahun 2018. Bagaimanapun, pendaftaran pelajar meningkat kepada 1,569 pelajar pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.
- iv. Jumlah pendaftaran pelajar memberi kesan secara langsung kepada pendapatan utama syarikat. Pendapatan utama tahun 2018 menurun sejumlah RM411,947 berbanding tahun 2017 tetapi kembali meningkat sejumlah RM2.19 juta pada tahun 2019 disebabkan peningkatan pendaftaran pelajar baharu pada tahun tersebut.

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 15 Januari 2021

Sasaran unjuran pengambilan pelajar telah ditentukan berdasarkan kepada dokumen MQA yang dihantar pada akhir 2016 dan awal 2017. Namun, hanya dua program ijazah Sarjana Muda Dakwah Islamiah Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pengiklanan Digital (Multimedia) telah mendapat kelulusan pada tahun 2017. Manakala program ijazah Sarjana Muda yang lain mendapat kelulusan pada tahun 2018. Proses dan kelulusan pengambilan pelajar adalah melibatkan MQA dan disusuli oleh KPT. Proses ini adalah di luar kawalan pihak pengurusan KUIPSAS. Pihak pengurusan telah melaksanakan strategi kewangan berhemah bagi menjamin kelestarian kewangan KUIPSAS. Pada dasarnya KUIPSAS akan memberikan tawaran istimewa kepada program yang baharu diluluskan. Contohnya, tawaran yuran percuma semester 1 bagi program Asasi Sastera. Oleh itu, tumpuan kemasukan pelajar pada tahun 2017 adalah kepada program ijazah Sarjana Muda dan pada tahun 2018 kepada program Asasi. Hal ini menyebabkan kemasukan pelajar ke program diploma berkurangan memandangkan pelajar mempunyai banyak pilihan pengajian untuk diikuti. Bagaimanapun, jika dilihat dari sudut bilangan kemasukan secara keseluruhan pada tahun 2018 adalah meningkat.

Pendapat Audit | **Peratusan pencapaian berbanding sasaran bagi bilangan pelajar berdaftar dan pendapatan utama SPIP menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2017 hingga 2019.**

b. Prestasi Pengambilan Pelajar Baharu

- i. Berdasarkan laporan bajet, KUIPSAS membuat pengambilan pelajar sebanyak dua kali setahun, iaitu pada bulan Jun dan Disember. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020, sasaran pengambilan pelajar baharu adalah antara 620 hingga 900 pelajar.
- ii. Secara keseluruhannya, hanya pengambilan pelajar baharu bagi tahun 2019 telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 111.9%. Namun, pencapaian bagi tahun 2017 dan 2018 tidak mencapai sasaran iaitu masing-masing sebanyak 55.2% dan 82.6%. Ketidapencapaian sasaran pengambilan pelajar ini adalah kerana KUIPSAS telah meletakkan sasaran pengambilan pelajar untuk tahun 2017 bagi tujuh program pengajian baharu yang masih belum diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selain itu, pada tahun 2017 dan 2018

tumpuan lebih diberikan kepada program baharu seperti ijazah sarjana muda dan asasi yang menyebabkan kemasukan pelajar ke program diploma berkurangan. Prestasi pengambilan pelajar baharu bagi tahun 2020 telah mencapai 96.6%. Prestasi kemasukan pelajar baharu yang mendaftar di KUIPSAS berbanding sasaran yang ditetapkan adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BILANGAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU BERBANDING
SASARAN MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020

PERINGKAT PENGAJIAN	2017			2018			2019			2020		
	BILANGAN PELAJAR		CAPAI (%)	BILANGAN PELAJAR		CAPAI (%)	BILANGAN PELAJAR		CAPAI (%)	BILANGAN PELAJAR		CAPAI (%)
	SSR	DFTR		SSR	DFTR		SSR	DFTR		SSR	DFTR	
DIPLOMA												
MED	45	18	40.0	35	12	34.3	20	17	85.0	15	20	133.3
MUA	25	7	28.0	20	14	70.0	15	12	80.0	15	10	66.7
BAK	20	8	40.0	15	4	26.7	5	9	180.0	10	4	40.0
PKI	45	8	17.8	25	11	44.0	15	14	93.3	20	11	55.0
PEM	15	4	26.7	15	0	0.0	4	3	75.0	5	7	140.0
ACC	45	15	33.3	25	11	44.0	10	11	110.0	10	9	90.0
DTR	10	9	90.0	15	10	66.7	7	6	85.7	5	9	180.0
DIM	10	0	0.0	15	0	0.0	4	4	100.0	5	8	160.0
KEW	35	13	37.1	25	7	28.0	10	11	110.0	10	9	90.0
PEN	40	16	40.0	30	9	30.0	10	12	120.0	10	23	230.0
BAT	25	6	24.0	15	5	33.3	5	7	140.0	5	16	320.0
DAK	80	65	81.3	70	49	70.0	50	54	108.0	50	34	68.0
SUU	110	114	103.6	80	60	75.0	58	86	148.3	85	82	96.5
ENG	15	17	113.3	25	16	64.0	20	17	85.0	15	23	153.3
DKI	20	23	115.0	25	16	64.0	30	20	66.7	25	20	80.0
DQS	20	35	175.0	25	13	52.0	25	38	152.0	50	27	54.0
PAK	50	111	222.0	35	101	288.6	90	78	86.7	75	103	137.3
JUMLAH	610	469	76.9	495	338	68.3	378	399	105.6	410	415	101.2
IJAZAH SARJANA MUDA												
IDI	-	23	-	40	72	180.0	52	65	125.0	55	42	76.4
IPD	30	5	16.7	20	10	50.0	8	15	187.5	10	16	160.0
IKI	40	-	-	30	19	63.3	28	29	103.6	30	16	53.3
IPP	40	-	-	30	14	46.7	12	14	116.7	10	16	160.0
IQS	40	-	-	50	23	46.0	32	43	134.4	50	52	104.0
ISK	40	-	-	0	36	-	28	53	189.3	45	66	146.7
IAC	20	-	-	0	-	-	0	6	-	10	9	90.0
BEL	-	-	-	-	-	-	-	2	-	-	7	0.0
JUMLAH	210	28	13.3	170	174	102.4	160	227	141.9	210	224	106.7
IJAZAH SARJANA												
Pengajian Islam (SPI)	20	-	0.0	20	-	0.00	20	34	170.0	40	19	47.5
Pentadbiran Perniagaan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	10	0	0.0

PERINGKAT PENGAJIAN	2017			2018			2019			2020		
	BILANGAN PELAJAR		CAPAI (%)	BILANGAN PELAJAR		CAPAI (%)	BILANGAN PELAJAR		CAPAI (%)	BILANGAN PELAJAR		CAPAI (%)
	SSR	DFTR		SSR	DFTR		SSR	DFTR		SSR	DFTR	
Bahasa	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5	0	0.0
Teknologi Maklumat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5	0	0.0
JUMLAH	20	-	0.0	20	-	0.0	20	34	170.0	60	19	31.7
IJAZAH KEDOKTORAN	-	-	-	-	-	-	-	-	-	10	0	0.0
JUMLAH	-	-	-	-	-	-	-	-	-	10	0	0.0
ASASI												
ASK	60	-	0.0	-	54	-	62	34	54.8	40	47	117.5
JUMLAH	60	-	0.0	-	54	-	62	34	54.8	40	47	117.5
JUMLAH KESELURUHAN	900	497	55.2	685	566	82.6	620	694	111.9	730	705	96.6

Sumber: Kertas Mesyuarat Lembaga Pengarah & Laporan Sistem eCampus
Nota: SSR - Sasaran, DFTR - Daftar

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 15 Januari 2021

Sasaran unjuran pengambilan pelajar telah ditentukan berdasarkan kepada dokumen MQA yang dihantar pada akhir 2016 dan awal 2017. Namun, hanya dua program ijazah Sarjana Muda Dakwah Islamiah Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pengiklanan Digital (Multimedia) telah mendapat kelulusan pada tahun 2017. Manakala program ijazah-ijazah Sarjana Muda yang lain mendapat kelulusan pada tahun 2018. Proses dan kelulusan pengambilan pelajar adalah melibatkan MQA dan disusuli oleh KPT. Proses ini adalah di luar kawalan pihak pengurusan KUIPSAS. Pihak pengurusan telah melaksanakan strategi kewangan berhemah bagi menjamin kelestarian kewangan KUIPSAS. Bagaimanapun, pengambilan pelajar hanya berlaku pada tahun 2018 dan bilangan ini telah ditampung oleh pengambilan seramai 566 orang pada tahun 2018.

Pendapat Audit | Prestasi pengambilan pelajar baharu bagi tahun 2019 dan 2020 adalah baik kerana melebihi 90% berbanding sasaran. Bagaimanapun, pada tahun 2017 dan 2018 masing-masing hanya mencapai 55.2% dan 82.6%.

c. Prestasi Pencapaian Akademik

KUIPSAS telah menetapkan KPI bagi prestasi pencapaian akademik pelajarinya iaitu dengan memastikan pelajar mencapai tahap minimum lulus [Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.0] sekurang-kurangnya 80%

pada tahun 2017 dan 85% mulai tahun 2018. Analisis Audit terhadap laporan sistem eCampus mendapati prestasi pencapaian kelulusan pelajar yang mendapat PNGK 2.0 dan ke atas pada tahun 2017 hingga 2020 adalah antara 93.2% hingga 96.6%. Keadaan ini menunjukkan sasaran KPI yang telah ditetapkan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 telah tercapai. Butiran lanjut prestasi pencapaian pelajar mengikut program adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PRESTASI PENCAPAIAN PELAJAR LULUS
MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020

PROGRAM	2017		2018		2019		2020	
	BIL. PELAJAR	(%)	BIL. PELAJAR	(%)	BIL. PELAJAR	(%)	BIL. PELAJAR	(%)
DIPLOMA								
MED	147/158	93.0	90/95	94.7	82/83	98.8	39/44	88.6
MUA	66/68	97.1	67/70	95.7	59/63	93.7	36/37	97.3
BAK	26/31	83.9	22/24	91.7	29/32	90.6	10/11	90.9
PKI	87/90	96.7	67/70	95.7	60/63	95.2	26/32	81.3
PEM	29/30	96.7	13/13	100.0	8/9	88.9	7/8	87.5
ACC	116/120	96.7	73/75	97.3	64/67	95.5	22/23	95.7
DTR	25/26	96.2	31/33	93.9	39/40	97.5	18/19	94.7
DIM	29/31	93.5	16/17	94.1	8/8	100.0	7/7	100.0
KEW	103/107	96.3	76/81	93.8	54/57	94.7	23/24	95.8
PEN	101/113	89.4	41/52	78.8	45/55	81.8	26/32	81.3
BAT	57/65	87.7	44/49	89.8	30/30	100.0	20/20	100.0
DAK	397/421	94.3	313/348	89.9	284/308	92.2	114/133	85.7
SUU	585/611	95.7	436/481	90.6	449/464	96.8	208/222	93.7
ENG	60/64	93.8	73/82	89.0	71/74	95.9	37/42	88.1
DKI	72/76	94.7	104/106	98.1	111/115	96.5	49/52	94.2
DQS	102/103	99.0	125/128	97.7	148/155	95.5	69/73	94.5
PAK	290/297	97.6	459/474	96.8	494/504	98.0	253/265	95.5
JUMLAH	2,292/2,411	95.1	2,050/2,198	93.3	2,035/2,127	95.7	964/1,044	91.4
IJAZAH SARJANA MUDA								
IDI	20/21	95.2	145/149	97.3	269/273	98.5	154/159	96.9
IPD	4/5	80.0	18/19	94.7	36/37	97.3	23/26	88.5
IKI	-	-	27/27	100.0	81/81	100.0	46/48	95.8
IPP	-	-	22/23	95.7	37/38	97.4	27/29	93.1
IQS	-	-	32/32	100.0	113/114	99.1	80/84	95.2
ISK	-	-	35/36	97.2	136/136	100.0	113/116	97.4
IAC	-	-	-	-	10/10	100.0	9/12	75.0
BEL	-	-	-	-	2/2	100.0	5/6	83.3
JUMLAH	24/26	92.3	279/286	97.6	684/691	99.0	457/480	95.2
IJAZAH SARJANA								
SPI	-	-	-	-	44/45	97.8	28/36	77.8
JUMLAH	-	-	-	-	44/45	97.8	28/36	77.8
ASASI								
ASK	-	-	143/144	99.3	105/111	94.6	43/43	100.0

PROGRAM	2017		2018		2019		2020	
	BIL. PELAJAR	(%)	BIL. PELAJAR	(%)	BIL. PELAJAR	(%)	BIL. PELAJAR	(%)
JUMLAH	-	-	143/144	99.3	105/111	94.6	43/43	100.0
PROGRAM KERJASAMA DENGAN UNISHAMS								
ISMSY	338/344	98.3	270/270	100.0	166/167	99.4	26/26	100.0
JUMLAH	338/344	98.3	270/270	100.0	166/167	99.4	26/26	100.0
PROGRAM KERJASAMA DENGAN USIM								
ISMQS	120/120	100.0	84/84	100.0	43/44	97.7	0/0	0
JUMLAH	120/120	100.0	84/84	100.0	43/44	97.7	0/0	0
JUMLAH KESELURUHAN	2,774/2901	95.6	2,826/2,982	94.8	3,077/3,185	96.6	1,518/1,629	93.2

Sumber: Laporan Sistem eCampus

Nota: Keputusan peperiksaan bagi tahun 2020 hanya untuk satu sesi sahaja

Pendapat Audit | Prestasi pencapaian akademik pelajar yang lulus dengan minimum PNGK 2.0 pada tahun 2017 hingga 2020 adalah baik kerana melebihi KPI yang ditetapkan iaitu antara 93.2% hingga 96.6%.

d. Prestasi Pencapaian Pelajar Tamat Pengajian

i. Pencapaian Pelajar Tamat Pengajian Berbanding Pelajar Berdaftar

KUIPSAS telah menetapkan KPI iaitu sekurang-kurangnya 60% pelajar tamat pengajian dan layak menerima sijil berbanding pelajar berdaftar. Analisis Audit terhadap pelajar yang tamat pengajian pada tahun 2017 hingga 2020 mendapati jumlah graduan bagi tempoh tahun tersebut telah melepasi KPI yang ditetapkan iaitu antara 76.5% hingga 86%. Butiran lanjut bilangan pelajar yang tamat pengajian berbanding bilangan sebenar pelajar yang mendaftar masuk adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
BILANGAN GRADUAN BERBANDING
PENDAFTARAN PELAJAR BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN GRADUASI	BIL. GRADUAN	BIL. KEMASUKAN	PENCAPAIAN (%)
2017	337	395	85.3
2018	389	484	80.4
2019	358	468	76.5
2020	399	464	86.0
JUMLAH	1,483	1,811	81.9

Sumber: Laporan Sistem eCampus dan Laporan Pencapaian Objektif Kualiti

Pendapat Audit | Prestasi pencapaian pelajar yang tamat pengajian berbanding pendaftaran pelajar sebenar pada tahun 2017 hingga 2020 adalah baik kerana melebihi KPI yang ditetapkan iaitu antara 76.5% hingga 86%.

ii. Pencapaian Pelajar Tamat Pengajian Dengan Tahap Kepujian

KUIPSAS telah menetapkan KPI bagi mengukur tahap pencapaian pelajar iaitu sekurang-kurangnya 60% tamat pengajian dengan tahap kepujian. Analisis Audit terhadap pelajar yang tamat pengajian pada tahun 2017 hingga 2020 mendapati bilangan graduan yang mencapai tahap kepujian bagi tempoh tahun tersebut telah melepasi KPI yang ditetapkan iaitu antara 67.4% hingga 73.9% adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
TAHAP PENCAPAIAN GRADUAN KUIPSAS BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020

TAHUN GRADUASI	BIL. GRADUAN	TAHAP PENCAPAIAN					
		CEMERLANG	(%)	KEPUJIAN	(%)	LULUS	(%)
2017	337	64	19.0	227	67.4	46	13.6
2018	389	65	16.7	283	72.8	41	10.5
2019	358	67	18.7	255	71.2	36	10.1
2020	399	57	14.3	295	73.9	47	11.8
JUMLAH	1,483	253	17.1	1,060	71.5	170	11.5

Sumber: Laporan Sistem eCampus dan Laporan Pencapaian Objektif Kualiti

Pendapat Audit | Prestasi pencapaian pelajar tamat pengajian dengan tahap kepujian pada tahun 2017 hingga 2020 adalah baik kerana melebihi KPI yang ditetapkan iaitu antara 67.4% hingga 73.9%.

5.2.2.2. Pencapaian Keberhasilan

a. Kebolehpasaran Pelajar

- KUIPSAS tidak menetapkan sebarang keberhasilan terhadap aktiviti yang dilaksanakan. KUIPSAS juga tidak membuat statistik berkenaan status pekerjaan bagi graduannya yang telah menamatkan pengajian. Bagaimanapun, pihak KUIPSAS ada mendapatkan statistik status

pekerjaan graduannya daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), KPM.

- ii. Berdasarkan statistik tersebut, seramai 1,084 graduan KUIPSAS telah tamat pengajian bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Analisis Audit mendapati daripada jumlah tersebut, seramai 318 (29.3%) graduan telah mendapat pekerjaan atau bekerja sendiri, 198 (18.3%) graduan menyambung pengajian dan 426 (39.3%) graduan tidak bekerja. Butiran lanjut kebolehpasaran pelajar yang tamat pengajian pada tahun 2017 hingga tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
KEBOLEHPASARAN PELAJAR YANG
TAMAT PENGAJIAN PADA TAHUN 2017 HINGGA 2019

KRITERIA	BILANGAN GRADUAN TAMAT						BILANGAN KESELURUHAN	(%)
	2017	(%)	2018	(%)	2019	(%)		
Bekerja	92	27.3	119	30.6	107	29.8	318	29.3
Menunggu penempatan pekerjaan	11	3.3	7	1.8	6	1.7	24	2.2
Menyambung Pengajian	39	11.6	66	17.0	93	26.0	198	18.3
Meningkatkan kemahiran	7	2.1	3	0.7	6	1.7	16	1.5
Tidak bekerja	148	43.9	156	40.1	122	34.1	426	39.3
Tidak menjawab	40	11.8	38	9.8	24	6.7	102	9.4
JUMLAH	337	100.0	389	100.0	358	100.0	1,084	100.0

Sumber: Laporan SKPG, KPM

- iii. Berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan bagi tahun 2017 hingga 2019 yang dikeluarkan oleh KPM, kadar peratusan graduan yang berjaya mendapat pekerjaan adalah lebih rendah daripada peratus purata nasional. Bagi tahun 2018 dan 2019, peratusan graduan yang menyambung pengajian adalah lebih tinggi berbanding peratusan purata nasional kecuali pada tahun 2017. Bagaimanapun, peratusan graduan yang tidak bekerja melebihi tahap purata nasional dalam tempoh tersebut. Butiran lanjut kebolehpasaran pelajar yang tamat pengajian berbanding purata nasional bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
KEBOLEHPASARAN PELAJAR YANG TAMAT PENGAJIAN
BERBANDING PURATA NASIONAL PADA TAHUN 2017 HINGGA 2019

KRITERIA	BILANGAN GRADUAN TAMAT					
	2017		2018		2019	
	KUIPSAS (%)	PURATA NASIONAL (%)	KUIPSAS (%)	PURATA NASIONAL (%)	KUIPSAS (%)	PURATA NASIONAL (%)
Bekerja	27.3	51.5	30.6	53.1	29.8	57.5
Menyambung Pengajian	11.6	17.0	17.0	15.9	26.0	15.5
Tidak bekerja	43.9	25.1	40.1	24.6	34.1	21.0

Sumber: Laporan SKPG KPM

Pendapat Audit | Prestasi SPIP dalam menghasilkan graduan yang bekerja pada tahun 2017, 2018 dan 2019 adalah kurang berkesan kerana tidak mencapai tahap purata nasional.

b. Penilaian Tahap Kepuasan Pelajar

- i. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik bagi menilai tahap kepuasan pelajar terhadap program yang ditawarkan serta kemudahan yang disediakan oleh SPIP. Soal selidik ini merangkumi tujuh aspek, iaitu program pengajian yang ditawarkan, perpustakaan, dewan dan bilik kuliah, makmal komputer/bahasa dan studio, asrama penginapan, kafeteria serta kemudahan lain. Kaedah penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kepada dua tahap kepuasan iaitu setuju dan tidak setuju bagi aspek program pengajian yang ditawarkan. Selain itu, tiga tahap kepuasan dinilai bagi aspek kemudahan yang disediakan iaitu puas hati, tidak puas hati dan tidak pasti. Hasil maklum balas yang diterima daripada 155 orang responden adalah seperti dalam **Jadual 13** dan **Jadual 14**.

JADUAL 13
MAKLUM BALAS TERHADAP PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

BIL.	BUTIRAN	PANDANGAN PELAJAR	
		SETUJU (%)	TIDAK SETUJU (%)
1.	Program pengajian mudah difahami dan diikuti.	92.9	7.1
2.	Masa yang diperuntukkan bagi setiap program adalah sesuai.	97.4	2.6
3.	Bilik/dewan kuliah selesa dan mencukupi.	90.3	9.7
4.	Alat bantuan mengajar dalam keadaan baik, sesuai dan mencukupi.	86.4	13.6
5.	Penyusunan jadual waktu kuliah adalah sesuai dan tidak padat.	93.5	6.5
6.	Pensyarah menyampaikan kandungan modul program dengan baik.	96.2	3.8

BIL.	BUTIRAN	PANDANGAN PELAJAR	
		SETUJU (%)	TIDAK SETUJU (%)
7.	Pensyarah bersikap mesra terhadap pelajar serta mudah didekati untuk mendapatkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar.	96.1	3.9
8.	Tugasan/latihan yang diberikan adalah memadai dan sesuai mengikut modul program.	97.4	2.6

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, pelajar memberikan maklum balas positif mengenai program pengajian yang dilaksanakan. Sebanyak 92.9% hingga 97.4% responden berpendapat bahawa program yang ditawarkan mudah difahami dan masa yang diperuntukkan bagi setiap program adalah sesuai. Bilik/dewan kuliah dan peralatan mengajar juga berkeadaan baik, sesuai serta mencukupi. Selain itu, 96.1% hingga 96.2% responden bersetuju dengan layanan yang diberikan oleh pensyarah dan kebolehan mengajar adalah baik.

JADUAL 14
MAKLUM BALAS TERHADAP KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

BIL.	BUTIRAN	PANDANGAN PELAJAR		
		PUAS HATI (%)	TIDAK PUAS HATI (%)	TIDAK PASTI (%)
Perpustakaan				
1.	Bahan bacaan mencukupi serta dapat membantu dalam membuat kajian.	89.6	8.4	2.0
2.	Penyediaan capaian Internet.	83.2	14.8	2.0
3.	Pegawai bertugas membantu sekiranya terdapat masalah berkaitan buku dan kemudahan yang disediakan.	96.8	3.2	-
4.	Persekitaran di perpustakaan adalah selesa untuk aktiviti pembacaan dan pembelajaran.	96.8	3.2	-
Makmal Komputer, Makmal Bahasa, Bilik Tutorial, Studio Multimedia				
5.	Kemudahan yang disediakan adalah mencukupi.	91.0	9.0	-
6.	Persekitaran di makmal adalah selesa.	94.2	5.8	-
7.	Penyediaan capaian Internet.	82.6	15.5	1.9
8.	Pegawai bertugas membantu sekiranya terdapat masalah berkaitan komputer dan kemudahan yang disediakan.	93.5	6.5	-
Auditorium, Dewan dan Bilik Kuliah				
9.	Tempat yang disediakan mencukupi untuk aktiviti pelajar.	88.4	0.6	11.0
10.	Peralatan lengkap dan mencukupi.	85.8	12.3	1.9
11.	Kemudahan membantu dalam memahami setiap program yang diikuti.	89.6	7.8	2.6
Asrama				
12.	Bilik yang disediakan selesa dan lengkap dengan perabot.	52.7	18.4	28.9
13.	Aduan kerosakan cepat diambil tindakan oleh penyelia asrama.	63.8	9.2	27.0
14.	Penyelia asrama bersedia membantu sekiranya diperlukan.	81.6	2.0	16.4
15.	Persekitaran asrama adalah bersih.	71.0	5.3	23.7

BIL.	BUTIRAN	PANDANGAN PELAJAR		
		PUAS HATI (%)	TIDAK PUAS HATI (%)	TIDAK PASTI (%)
Kafeteria				
16.	Kemudahan asas di kafeteria.	92.3	7.7	-
17.	Tahap kebersihan di kafeteria.	84.5	15.5	-
18.	Kualiti makanan yang dijual.	88.4	11.6	-
19.	Harga makanan yang dikenakan.	85.2	14.8	-
Kemudahan Lain				
20.	Kemudahan untuk aktiviti riadah/sukan sesuai dan berfungsi dengan baik.	89.7	10.3	-
21.	Ruangan untuk membuat ulang kaji atau perbincangan adalah selesa.	98.7	1.3	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Bagi kemudahan yang disediakan, analisis Audit mendapati secara puratanya, pelajar berpuas hati dengan kemudahan perpustakaan, makmal komputer/bahasa dan studio, kafeteria serta kemudahan lain berdasarkan tahap kepuasan yang melebihi 70%. Manakala kemudahan asrama mencatatkan tahap kepuasan yang rendah di mana peratusan yang berpuas hati hanya mencapai 52.7% dan 63.8%. Pelajar kurang berpuas hati dengan keselesaan bilik dan tindakan penyelia asrama terhadap aduan kerosakan yang telah dibuat.
- iv. Terdapat responden yang telah memberikan pendapat atau cadangan penambahbaikan untuk makluman pihak pengurusan seperti berikut:
 - menyediakan kemudahan Internet yang lebih baik dan meluas;
 - menaik taraf kemudahan di asrama supaya lebih kondusif dan selesa; dan
 - menyediakan peralatan sukan yang mencukupi.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, pelajar berpuas hati dengan program yang ditawarkan dan kemudahan yang disediakan kecuali kemudahan asrama.

5.2.3. Pengurusan Aktiviti

Perkara yang dinilai dalam pengurusan aktiviti perniagaan IPTS adalah pengiktirafan program oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), nisbah pensyarah berbanding pelajar, tunggakan yuran pelajar serta kemudahan dan infrastruktur. Semakan Audit

mendapati semua 29 program yang ditawarkan di KUIPSAS telah mendapat pengiktirafan akreditasi daripada MQA. Selain itu, kemudahan dan infrastruktur yang disediakan kepada pelajar seperti auditorium, dewan kuliah, perpustakaan, surau, asrama dan tempat riadah adalah kondusif dan baik. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap nisbah pensyarah berbanding pelajar dan tunggakan yuran pelajar mendapati perkara berikut:

5.2.3.1. Nisbah Pensyarah Berbanding Pelajar

- a. Agensi Kelayakan Malaysia melalui surat makluman Bil. 7/2014 berkaitan Garis Panduan Beban Staf Akademik bertarikh 1 Oktober 2014 telah menetapkan nisbah bilangan pensyarah berbanding pelajar bagi setiap peringkat program yang ditawarkan oleh IPT. Nisbah bilangan pensyarah berbanding pelajar yang ditetapkan bagi program Diploma adalah antara 1:20 hingga 1:30, program Ijazah Sarjana Muda antara 1:15 hingga 1:25 dan program Ijazah Sarjana antara 1:15 hingga 1:20 bergantung kepada bidang pengajian. Hal ini bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.
- b. Secara keseluruhan, KUIPSAS mempunyai 110 orang pensyarah yang terdiri daripada 83 pensyarah tetap, 25 pensyarah kontrak dan dua pensyarah sambilan. Bilangan pelajar KUIPSAS yang mengambil program Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana pada tahun 2020 adalah seramai 1,610 orang. Nisbah keseluruhan pensyarah berbanding pelajar mengikut program di KUIPSAS adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
NISBAH KESELURUHAN PENSYARAH DAN PELAJAR PADA TAHUN 2020

PERINGKAT PENGAJIAN	BILANGAN PENSYARAH	BILANGAN PELAJAR	NISBAH PENSYARAH KEPADA PELAJAR	NISBAH PENSYARAH BERDASARKAN MQA
Asasi	2	43	1:22	1:20 hingga 1:30
Diploma	68	1,034	1:15	1:20 hingga 1:30
Ijazah Sarjana Muda	38	496	1:13	1:15 hingga 1:25
Ijazah Sarjana	2	37	1:19	1:15 hingga 1:20
JUMLAH	110	1,610		

Sumber: Laporan Sistem eCampus

- c. Analisis Audit mendapati nisbah pensyarah kepada pelajar bagi program Asasi adalah 1:22 dan Ijazah Sarjana adalah 1:19 iaitu menepati nisbah yang ditetapkan oleh MQA. Bagaimanapun, **nisbah pensyarah kepada pelajar bagi program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda secara**

keseluruhannya adalah lebih rendah berbanding nisbah yang ditetapkan oleh MQA iaitu masing-masing pada kadar 1:15 dan 1:13.

- d. Nisbah pensyarah berbanding pelajar bagi Fakulti Pengajian Islam adalah mematuhi penetapan MQA. Bagi fakulti lain, **nisbah pensyarah kepada pelajar lebih rendah berbanding nisbah yang ditetapkan oleh MQA** kecuali bagi program Asasi seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
NISBAH BILANGAN PENSYARAH BERBANDING PELAJAR
MENGIKUT FAKULTI/SEKOLAH DAN PROGRAM PADA TAHUN 2020

FAKULTI/ SEKOLAH	PROGRAM	BILANGAN PENSYARAH	BILANGAN PELAJAR	NISBAH PENSYARAH KEPADA PELAJAR	NISBAH PENSYARAH BERDASARKAN MQA
Fakulti Pengajian Islam	Diploma	44	858	1:20	1:20 hingga 1:30
	Ijazah Sarjana Muda	22	378	1:17	1:15 hingga 1:25
	Ijazah Sarjana	2	37	1:19	1:15 hingga 1:20
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Diploma	7	26	1:4	1:20 hingga 1:30
	Ijazah Sarjana Muda	6	27	1:5	1:15 hingga 1:25
Fakulti Pengajian Pengurusan	Diploma	11	111	1:10	1:20 hingga 1:30
	Ijazah Sarjana Muda	7	86	1:12	1:15 hingga 1:20
Fakulti Pengajian Bahasa dan Asasi	Asasi	2	43	1:22	1:20 hingga 1:30
	Diploma	6	39	1:7	1:20 hingga 1:30
	Ijazah Sarjana Muda	3	5	1:2	1:15 hingga 1:25
JUMLAH		110	1,610		

Sumber: Laporan Sistem eCampus

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 15 Januari 2021

Nisbah pensyarah kepada pelajar bagi program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda bagi beberapa program tertentu tidak mematuhi penetapan MQA, iaitu jumlah pensyarah yang lebih ramai berbanding pelajar, adalah disebabkan oleh penurunan pengambilan pelajar. Senario ini merupakan kesan nasional yang dihadapi oleh IPTA dan IPTS tempatan akibat dari persaingan yang sengit dalam industri pengajian tinggi Malaysia.

Bagaimanapun, jumlah pensyarah yang berlebihan ini tidak boleh dianggap sebagai satu ketidakcekapan organisasi. Ini kerana sifat program pengajian KUIPSAS yang *inter-discipline* dan *multidisiplinnya*, sebagaimana hasrat penubuhan KUIPSAS untuk mengintegrasikan ilmu aqli dan naqli, menyebabkan keperluan untuk mengambil pensyarah dalam bidang yang perlu berkhidmat kepada program pengajian di fakulti lain. Sebagai contoh, pensyarah di Fakulti Pengajian Pengurusan, Teknologi

Maklumat dan Komunikasi; dan Fakulti Pengajian Bahasa dan Asasi yang mengajar di peringkat diploma sebenarnya turut memberi khidmat di Fakulti Pengajian Islam. Begitu juga dengan pensyarah fakulti lain yang memberi khidmat dalam program pengajian Asasi KUIPSAS.

Pendapat Audit | Nisbah pensyarah berbanding bilangan pelajar yang lebih rendah berbanding penetapan MQA bagi program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Ini menunjukkan KUIPSAS masih mempunyai kapasiti untuk meningkatkan bilangan pelajar.

5.2.3.2. Tunggakan Yuran Pelajar

Yuran pengajian yang dikenakan kepada pelajar merupakan sumber utama pendapatan kepada syarikat. Selain itu, KUIPSAS turut mengenakan bayaran lain seperti yuran pendaftaran, pengurusan pelajar dan asrama. Pengurusan yuran adalah di bawah seliaan Pejabat Bendahari. Analisis Audit terhadap tunggakan yuran pelajar bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti berikut:

- a. Berdasarkan laporan sistem eCampus, tunggakan yuran pelajar sehingga tahun 2020 setelah mengambil kira peruntukan hutang ragu adalah berjumlah RM7.97 juta. Tunggakan yuran pada tahun 2017 berjumlah RM3.77 juta, meningkat sebanyak RM2.41 juta (63.9%) pada tahun 2018 menjadi RM6.18 juta. Pada tahun 2019, tunggakan yuran menurun sebanyak RM428,392 (6.8%) menjadi RM5.76 juta berbanding tahun 2018. Bagaimanapun, tunggakan yuran pelajar meningkat semula sebanyak RM2.20 juta (38.2%) pada tahun 2020 menjadi RM7.96 juta. Punca tunggakan yuran adalah disebabkan pelajar berhenti sebelum tamat pengajian, tidak mendapat tajaan dan tidak mendapat pembiayaan penuh daripada penaja. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
TUNGGAKAN YURAN PELAJAR BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020

TAHUN	TUNGGAKAN SEBENAR (RM Juta)	PERUNTUKAN HUTANG RAGU (PHR) (RM Juta)	TUNGGAKAN SELEPAS PHR (RM Juta)	MENINGKAT/(MENURUN)	
				(RM Juta)	(%)
2017	3.77	-	3.77	-	-
2018	7.04	0.86	6.18	2.41	63.9
2019	6.62	0.86	5.76	(0.42)	(6.8)
2020	8.82	0.86	7.96	2.20	38.2

Sumber: Laporan Sistem eCampus

- b. Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1 Tahun 2018, wakil Firma Audit Swasta yang dilantik telah mencadangkan agar dihapuskan jumlah penghutang yang tidak dapat dikenal pasti atau tiada pergerakan. Semakan lanjut Audit terhadap Penyata Kewangan Beraudit tahun 2018 mendapati SPIP telah membuat peruntukan hutang ragu terhadap tunggakan yuran sejumlah RM0.86 juta. Bagaimanapun, **peruntukan hutang ragu tersebut tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.**
- c. Mengikut prosedur perakaunan perenggan 17 (b), Peraturan Kewangan SPIP mengenai polisi hutang ragu menyatakan mulai tahun 2002, semua hutang melebihi 10 tahun yang tidak dapat dikutip selepas tindakan mahkamah atau jumlahnya kurang daripada jumlah kos mahkamah, diperuntukkan hutang ragu pada kadar 10%. Semakan lanjut Audit terhadap peruntukan hutang ragu yang dibuat sejumlah RM0.86 juta bagi sebahagian sesi 2004/2005 hingga 2014/2015 mendapati **tidak mematuhi polisi hutang ragu kerana kesemua tuntutan tunggakan yuran berkenaan belum dibawa ke peringkat tindakan mahkamah.**
- d. Selain itu, berdasarkan data daripada eCampus mendapati seramai 129 pelajar telah berhenti sebelum tamat pengajian bagi tahun 2017 hingga 2020. Semakan Audit mendapati tunggakan yuran pelajar tersebut sehingga tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 18.**

JADUAL 18
TUNGGAKAN YURAN PELAJAR
YANG BERHENTI PADA TAHUN 2017 HINGGA 2020

TAHUN PELAJAR BERHENTI	BIL. PELAJAR BERHENTI	AMAUN TUNGGAKAN YURAN (RM)
2017/2018	34	98,280
2018/2019	37	150,065
2019/2020	58	198,995
JUMLAH	129	447,340

Sumber: Laporan Sistem eCampus

- e. Bagi mengatasi masalah tunggakan yuran tersebut, tindakan telah dijalankan pada tahun 2017 hingga 2020 dengan menghantar 3,176 surat tuntutan kepada pelajar yang masih mempunyai tunggakan yuran. Bagaimanapun sehingga tahun 2020, belum ada tindakan mahkamah diambil terhadap pelajar tersebut. Butiran lanjut tindakan yang dijalankan sehingga tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 19.**

JADUAL 19
TINDAKAN PEJABAT BENDAHARI PADA TAHUN 2017 HINGGA 2020

TINDAKAN	TAHUN				JUMLAH
	2017	2018	2019	2020	
Menghantar surat tuntutan tunggakan/ baki yuran	296	934	1,025	921	3,176

Sumber: Pejabat Bendahari KUIPSAS

Maklum Balas SPIP yang Diterima pada 15 Januari 2021

Polisi hutang tertunggak akan disediakan dan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2021. Merujuk kepada amaun hutang yang telah diambil kira, keputusan yang dibuat tidak dicatatkan secara terperinci dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Perkara ini akan dimaklumkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2021 dengan mengambil kira polisi yang dibentangkan termasuk pandangan Ahli Lembaga Pengarah, amalan perakaunan dan undang-undang.

Pendapat Audit | Prestasi SPIP dalam kutipan yuran pelajar adalah kurang cekap kerana berlaku peningkatan tunggakan yuran pada tahun 2018 dan 2020, masing-masing sebanyak 63.9% dan 38.2%.

5.3. Kedudukan Kewangan

5.3.1. Penyata kewangan SPIP bagi tahun 2017 hingga 2019 telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran oleh Tetuan Wan Nadzir & Co.. Analisis terhadap kedudukan kewangan SPIP bagi tempoh tiga tahun tersebut telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; serta tunai dan kesetaraan tunai adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2017, 2018 DAN 2019

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Pendapatan	10.06	9.65	11.83
Pendapatan Lain	7.95	19.12	8.68
JUMLAH PENDAPATAN	18.01	28.77	20.51
Kos Langsung	(8.12)	(9.53)	(10.09)
Kos Operasi	(9.17)	(9.57)	(9.53)
Kos Kewangan	(0.00)	(0.00)	(0.00)

JUMLAH PERBELANJAAN	(17.29)	(19.10)	(19.62)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	0.72	9.67	0.89
Cukai	0.00	0.00	0.00
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	0.72	9.67	0.89
Pelarasan	-	-	10.33
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL	(8.97)	0.70	11.92
JUMLAH ASET	18.37	29.22	41.52
JUMLAH LIABILITI	3.04	4.22	5.30
JUMLAH EKUITI	15.33	25.00	36.22
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	18.37	29.22	41.52
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1.42	1.56	1.17

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2017, 2018 dan 2019

5.3.2. Pendapatan utama SPIP adalah daripada aktiviti pendidikan, iaitu yuran pengajian. SPIP juga menerima geran daripada Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 untuk aktiviti operasi syarikat masing-masing berjumlah RM6.91 juta, RM7.13 juta dan RM7.51 juta. Pendapatan utama SPIP bagi tahun 2019 berjumlah RM11.83 juta meningkat sebanyak RM2.18 juta (22.6%) berbanding RM9.65 juta pada tahun 2018. Bagi tahun 2018, jumlah pendapatan menurun sebanyak RM411,947 (4.1%) berbanding tahun 2017, iaitu daripada RM10.06 juta kepada RM9.65 juta. Analisis Audit mendapati peningkatan pendapatan pada tahun 2019 adalah disebabkan peningkatan bilangan pelajar yang mendaftar seramai 82 orang (5.5%) berbanding tahun 2018. Jumlah pendapatan menurun pada tahun 2018 disebabkan bilangan pelajar yang berdaftar menurun seramai 26 orang (1.7%) berbanding tahun 2017. Trend pendapatan bagi tiga tahun berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 20** dan **Carta 2**.


5.3.3. Pendapatan lain SPIP terdiri daripada sumbangan Kerajaan negeri, sumbangan agensi lain dan keuntungan simpanan tetap serta hibah bank. Pada tahun 2019, jumlah pendapatan lain menurun RM10.44 juta (54.6%) kepada RM8.68 juta berbanding RM19.12 juta pada tahun 2018. Bagi tahun 2018, pendapatan lain meningkat sejumlah RM11.17 juta (140.5%) kepada RM19.12 juta berbanding RM7.95 juta bagi tahun 2017. Peningkatan pendapatan lain pada tahun 2018 disebabkan SPIP telah menerima aset daripada Kerajaan negeri yang diiktiraf sebagai hasil iaitu sebuah auditorium yang bernilai RM11.40 juta. Butiran lanjut pendapatan adalah seperti dalam **Jadual 20** dan **Carta 2**.

5.3.4. Perbelanjaan SPIP terdiri daripada kos langsung, kos operasi dan kos kewangan. Bagi tahun 2019, jumlah perbelanjaan adalah RM19.62 juta, iaitu meningkat sebanyak RM0.52 juta (2.7%) berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM19.10 juta. Manakala bagi tahun 2018, jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak RM1.81 juta (10.5%) kepada RM19.10 juta berbanding RM17.29 juta bagi tahun


2017. Faktor peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah disebabkan peningkatan kos langsung seperti elaun tetap, gaji serta caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sejumlah RM1.85 juta atau 26.5%. Trend perbelanjaan bagi tiga tahun berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 20** dan **Carta 2**.

5.3.5. Analisis Audit mendapati keuntungan sebelum cukai SPIP bagi tahun 2016 hingga 2018 menunjukkan trend peningkatan dan penurunan. Pada akhir tahun 2019, keuntungan terkumpul meningkat kepada RM11.92 juta (1,602.9%) disebabkan syarikat telah membuat penilaian semula ke atas tanah di Mukim Bera seluas 184.424 hektar dan terdapat lebih penilaian semula sejumlah RM10.33 juta. Trend keuntungan bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 20** dan **Carta 3**.

CARTA 2
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2017, 2018 DAN 2019



CARTA 3
TREND KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL BAGI TAHUN 2017, 2018 DAN 2019



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2017, 2018 Dan 2019

5.3.6. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti SPIP mendapati jumlah aset melebihi jumlah liabiliti bagi tahun 2017, 2018 dan 2019. Jumlah aset dan liabiliti SPIP menunjukkan trend peningkatan bagi tahun 2017 hingga 2019. Bagi tahun 2018 dan 2019, aset SPIP meningkat masing-masing sebanyak RM10.85 juta (59.1%) dan RM12.30 juta (42.1%). Hal ini disebabkan oleh peningkatan dalam aset bukan semasa SPIP iaitu Hartanah, Loji dan Peralatan, iaitu sebuah auditorium, dan lebih penilaian semula tanah di Mukim Bera.

5.3.7. Analisis Audit terhadap liabiliti SPIP mendapati ia meningkat sebanyak RM1.08 juta (25.6%) pada tahun 2019 dan RM1.18 juta (38.8%) pada tahun 2018. Peningkatan liabiliti pada tahun 2018 dan 2019 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam liabiliti semasa, iaitu pemiutang masing-masing sejumlah RM0.86 juta dan RM1.43 juta.

5.3.8. Analisis Audit juga dijalankan terhadap aliran tunai SPIP bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaannya. Pada akhir tahun kewangan 2019, aliran tunai SPIP berbaki positif berjumlah RM1.17 juta. Hasil analisis mendapati aliran tunai daripada aktiviti operasi pada tahun 2019 berjumlah RM1.84 juta. Bagaimanapun, aliran tunai daripada aktiviti pelaburan pada tahun 2019 adalah negatif berjumlah RM2.23 juta disebabkan pembelian hartanah, loji dan peralatan.

Pendapat Audit | Berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan SPIP adalah stabil.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan, objektif penubuhan SPIP untuk menyediakan program pengajian berkualiti berlandaskan Islam dan bersesuaian dengan keperluan semasa telah dicapai. Aspek tadbir urus korporat adalah memuaskan namun memerlukan penambahbaikan terhadap aspek Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Pelan Strategik dan KPI, Penubuhan Jawatankuasa serta Audit Dalam. Berdasarkan pelaksanaan aktiviti utama, prestasi pengambilan pelajar baharu dan pencapaian akademik adalah baik kerana pencapaian telah melebihi sasaran ditetapkan. Bagaimanapun, peratus bilangan pelajar yang bekerja selepas tamat pengajian adalah lebih rendah berbanding peratus purata nasional. Tunggakan yuran pelajar pada tahun 2018 dan 2020 masing-masing meningkat sejumlah RM2.41 juta (63.9%) dan RM2.20 juta (38.2%). Kedudukan kewangan pula berada pada tahap stabil kerana mencatat keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2017, 2018 dan 2019. Keuntungan terkumpul juga meningkat pada tahun 2018 dan 2019.

7. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan SPIP dicapai secara lebih efektif serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah disyorkan untuk memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

7.1. memastikan Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Audit ditubuhkan bagi memastikan pematuhan dan keutuhan kawalan dalaman yang berkesan terhadap syarikat. Selain itu, Pelan Strategik dan KPI yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah;

7.2. memastikan pengurusan perolehan dan pengurusan aset dilaksanakan mengikut SOP yang ditetapkan serta tindakan sewajarnya diambil terhadap aset yang tidak digunakan dan rosak; dan

7.3. mengambil tindakan yang proaktif bagi memastikan tunggakan yuran pelajar dapat dikutip dalam tempoh yang lebih singkat.



PENUTUP

PENUTUP

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti jabatan dan syarikat Kerajaan. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak jabatan dan syarikat Kerajaan yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran audit yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini. Sebagai rumusan, empat cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

- a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
- b. Jabatan dan syarikat Kerajaan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
- c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti Kerajaan serta pengurusan syarikat Kerajaan.
- d. Agensi Kerajaan negeri dan Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat Kerajaan untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
30 Ogos 2021**



AKRONIM

AKRONIM

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ALP	Ahli Lembaga Pengarah
BPEN	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
CIA	<i>Chief Internal Auditor</i> / Ketua Audit Dalam
DFTR	Daftar
DUN	Dewan Undangan Negeri
GPDUN	Garis Panduan Pengurusan Peruntukan Khas Kawasan Dewan Undangan Negeri
<i>Green Book</i>	The Green Book – Enhancing Board Effectiveness
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
INTOSAI	The International Organisation of Supreme Audit Institutions
IP	Indikator Pencapaian
IPT	Institut Pendidikan Tinggi
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
JKA	Jawatankuasa Audit
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung
KIPSAS	Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KUIPSAS	Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
MCCG	Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia
MKD <i>Handbook</i>	Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan)
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MyNDS	Strategi Pembangunan Nasional Malaysia
OG	<i>Outright Grant</i> – Pembiayaan Secara Terus
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PDTK	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan
PDTL	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis
PDTP	Pejabat Daerah dan Tanah Pekan
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PKPN	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri

PMB	Pejabat Menteri Besar
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PP	Pekeliling Perbendaharaan
PPNP	Pejabat Pembangunan Negeri Pahang
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SIRIM	Institut Piawaian Dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia
SKPG	Sistem Kajian Pengesanan Graduan
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPIP	Sistem Pendidikan Islam Pahang Sdn. Bhd.
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SSR	Sasaran
UAD	Unit Audit Dalam
UniSHAMS	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat

www.audit.gov.my



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62000 PUTRAJAYA